BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI SARAWAK

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan kementerian/jabatan/agensi negeri dilaksanakan terhadap sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap kementerian/jabatan/agensi negeri.

- Pengauditan pematuhan dilaksanakan terhadap enam aspek pembayaran dan satu aspek kutipan hasil yang melibatkan empat jabatan dan dua agensi negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan pematuhan dilaksanakan untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan dan berkuat kuasa serta rekod berkaitan diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

Apa yang ditemui Audit?

a. Pembayaran Bagi Kerja Penyenggaraan Bangunan Kediaman dan Pejabat Kerajaan Negeri Bahagian Bintulu di Jabatan Kerja Raya Bahagian Bintulu

- pembayaran sejumlah RM34,980 bagi kerja yang tidak dilaksanakan.

b. Pembayaran Bagi Kerja Penyenggaraan Bangunan Kerajaan Negeri Bahagian Samarahan di Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan

- pembayaran sejumlah RM84,044 bagi kerja yang tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi kontrak.

c. Pembayaran Terhadap Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Jabatan Muzium Sarawak

- bayaran penuh sejumlah RM0.59 juta untuk perkhidmatan kawalan keselamatan yang tidak disempurnakan.

d. Kutipan Hasil Duti Hiburan di Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

- hasil duti hiburan pawagam tertunggak sejak tahun 2011 berjumlah RM0.69 juta;
- duti hiburan tidak dikenakan ke atas tiket bagi 19 perlawanan bola sepak berjumlah RM20,377; dan
- duti hiburan tidak dikutip terhadap satu persembahan pentas dianggarkan berjumlah RM311,916.

e. Pembayaran Bagi Kerja Penyenggaraan dan Perkhidmatan Berkala di Perbadanan Perhutanan Sarawak

- pembayaran bagi perkhidmatan kawalan keselamatan yang tidak sempurna berjumlah RM186,634;
- pembayaran terhadap perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa pengesahan berjumlah RM759,944;
- pembayaran bagi perkhidmatan pemotongan rumput dan perkhidmatan berkaitan yang tidak dilaksanakan berjumlah RM76,698; dan
- pembayaran terhadap perkhidmatan pemotongan rumput dan perkhidmatan berkaitan tanpa pengesahan berjumlah RM108,477.

f. Pembayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan dan Penyenggaraan Bangunan serta Kawasan di Lembaga Air Sibu

- pembayaran bagi perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa dokumen sokongan yang lengkap sejumlah RM266,500; dan
- pembayaran bagi kerja landskap tidak mematuhi syarat kontrak mengenai pembayaran dan tanpa dokumen sokongan yang lengkap sejumlah RM24,080.

g. Pembayaran Program Mengurangkan Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) di Lembaga Air Sibu

- pembayaran bagi meter aliran elektromagnetik 300 mm dan kotak panel yang tidak dipasang sejumlah RM22,000.

Apa yang disyorkan Audit?

a. Pembayaran Bagi Kerja Penyenggaraan Bangunan Kediaman dan Pejabat Kerajaan Negeri Bahagian Bintulu di Jabatan Kerja Raya Bahagian Bintulu

- memastikan penyediaan sebut harga dan tender secara terperinci mengambil kira spesifikasi kerja, keluasan, bahan dan harga yang terlibat;
- memastikan dokumen dan laporan untuk pengesahan pembayaran dan penyempurnaan kerja disemak dengan teliti sebelum bayaran dibuat bagi mengelakkan pembayaran dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan; dan
- memantau dan menyelia kerja-kerja penyenggaraan secara berterusan bagi mengelak berlakunya ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan.

b. Pembayaran Bagi Kerja Penyenggaraan Bangunan Kerajaan Negeri Bahagian Samarahan di Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan

- memastikan kerja yang dilaksanakan memenuhi spesifikasi kontrak sebelum bayaran diluluskan;
- memastikan penyeliaan di tapak disemak dengan teliti sebelum bayaran diluluskan bagi mengelak pembayaran tidak teratur; dan
- Ketua Jabatan perlu memastikan pengurusan kewangan secara teratur bagi mengelak berlakunya ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan.

c. Pembayaran Terhadap Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Jabatan Muzium Sarawak

- menambah baik klausa denda semasa penyediaan kontrak perjanjian dan mengenakan denda terhadap syarikat yang tidak mematuhi terma dan syarat perjanjian; dan
- menamat dan menyenaraihitamkan syarikat yang masih gagal mematuhi syarat perjanjian dan tidak memperbaiki prestasi perkhidmatan.

d. Kutipan Hasil Duti Hiburan di Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

- mengambil tindakan proaktif bagi memastikan pengusaha pusat hiburan membuat bayaran pada masa yang ditetapkan bagi mengelakkan tunggakan;
- mengena dan mengutip duti hiburan bagi semua jenis hiburan seperti yang ditetapkan dalam Subseksyen 2(1) Akta Duti Hiburan 1953 dan Ordinan Hiburan 2000;
- menyediakan garis panduan bagi kutipan hasil duti hiburan yang jelas bagi melancarkan proses kutipan duti hiburan; dan
- bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklumat berkaitan lesen dan permit hiburan yang telah diluluskan.

e. Pembayaran Bagi Kerja Penyenggaraan dan Perkhidmatan Berkala di Perbadanan Perhutanan Sarawak

- merujuk kepada pegawai undang-undang sebelum memuktamadkan dan menandatangani semua dokumen kontrak;
- memastikan pengesahan pembayaran dan penyempurnaan perkhidmatan disemak dengan teliti sebelum bayaran dibuat bagi mengelakkan pembayaran tidak teratur; dan
- memastikan dokumen sokongan bagi tujuan pembayaran hendaklah disertakan sebelum sebarang bayaran dibuat.

f. Pembayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan dan Penyenggaraan Bangunan serta Kawasan di Lembaga Air Sibu

- memastikan pengesahan kerja dan tuntutan dibuat dengan meneliti dan memastikan semua dokumen sokongan yang perlu dikemukakan oleh kontraktor selaras dengan syarat kontrak sebelum memperakukan pembayaran.

g. Pembayaran Program Mengurangkan Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) di Lembaga Air Sibu

- memastikan kerja dilaksanakan dengan sempurna selaras dengan klausa kontrak dan setiap perolehan hendaklah dipastikan boleh dimanfaatkan sepenuhnya sebelum sebarang pembayaran dibuat.

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/ AGENSI NEGERI SARAWAK

PENGENALAN

1. Mulai tahun 2019, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri. Pengauditan ini adalah selaras dengan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000. Ia memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area) berdasarkan *risk profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri. Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.

2. Pada tahun 2022, sebanyak tujuh pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap empat jabatan dan tiga agensi negeri. Tajuk pengauditan seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
TARIKH PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

BIL.	JABATAN/AGENSI	TAJUK PEMATUHAN
1.	Jabatan Kerja Raya Bahagian Bintulu	Pembayaran Bagi Kerja Penyenggaraan Bangunan Kediaman dan Pejabat Kerajaan Negeri Bahagian Bintulu
2.	Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan	Pembayaran Bagi Kerja Penyenggaraan Bangunan Kerajaan Negeri Bahagian Samarahan
3.	Jabatan Muzium Sarawak	Pembayaran Terhadap Perkhidmatan Kawalan Keselamatan
4.	Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak	Kutipan Hasil Duti Hiburan
5.	Perbadanan Perhutanan Sarawak	Pembayaran Bagi Kerja Penyenggaraan dan Perkhidmatan Berkala
6.	Lembaga Air Sibu	Pembayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan dan Penyenggaraan Bangunan serta Kawasan
7.	Lembaga Air Sibu	Pembayaran Program Mengurangkan Kadar Air Tidak Berhasil (NRW)

Sumber: Senarai Pengauditan Pematuhan Tahun 2022, Jabatan Audit Negara

JABATAN KERJA RAYA BAHAGIAN BINTULU

- Pembayaran Bagi Penyenggaraan Bangunan Kediaman dan Pejabat Kerajaan Negeri Bahagian Bintulu

1

PEMBAYARAN BAGI PENYENGGARAAN BANGUNAN KEDIAMAN DAN PEJABAT KERAJAAN NEGERI BAHAGIAN BINTULU

JABATAN KERJA RAYA BAHAGIAN BINTULU

PERKHIDMATAN

Berperanan melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur

KEWANGAN

PERUNTUKAN
RM1.20 juta

BELANJA 65%
RM0.78 juta

OBJEKTIF

Untuk menentukan sama ada pembayaran terhadap kerja penyenggaraan dijalankan secara teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan kewangan

RM34,980 KERUGIAN

JUMLAH SEMAKAN

RM0.78 JUTA

KRITERIA AUDIT

SPESIFIKASI KHAS KONTRAK BERMASA

Klausa 4 (A), (C) dan 39.1

PENEMUAN AUDIT

RM34,980

Pembayaran bagi kerja yang **Tidak Dilaksanakan**

RUMUSAN AUDIT

Wujud kelemahan dalam pemahaman terhadap syarat kontrak, penyelarasan dan pemantauan serta pelaksanaan pembayaran

SYOR AUDIT 3

JABATAN KERJA RAYA BAHAGIAN BINTULU

1. PEMBAYARAN BAGI KERJA PENYENGGARAAN BANGUNAN KEDIAMAN DAN PEJABAT KERAJAAN NEGERI BAHAGIAN BINTULU

FAKTA UTAMA

RM1.20 juta	Jumlah peruntukan diterima setakat bulan Oktober 2022
RM0.78 juta	Jumlah perbelanjaan bagi pelaksanaan kerja penyenggaraan setakat bulan Oktober 2022

1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Kerja Raya Bahagian Bintulu (JKR Bintulu) merupakan Pejabat Bahagian yang bertanggungjawab kepada tiga daerah iaitu Bintulu, Tatau dan Sebauh. Setakat bulan Oktober 2022, JKR Bintulu telah menerima sejumlah RM1.20 juta peruntukan daripada Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak untuk penyenggaraan yang melibatkan bangunan kediaman dan pejabat Kerajaan Negeri Sarawak di Bahagian Bintulu. Sejumlah RM0.78 juta atau 65% telah dibelanjakan bagi tujuan penyenggaraan. Butiran terperinci seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERBELANJAAN BAGI KERJA PENYENGGARAAN BANGUNAN KEDIAMAN DAN PEJABAT KERAJAAN NEGERI BAHAGIAN BINTULU SETAKAT BULAN OKTOBER TAHUN 2022

BIL.	PERIHAL BAYARAN	AMAUN (RM)
1.	Penyenggaraan Bangunan Kediaman (Termasuk Kuarters, Rumah Rehat dan Istana)	529,814
2.	Penyenggaraan Bangunan Pejabat (Termasuk Institusi Pendidikan dan Penyelidikan)	132,674
3.	Penyenggaraan Alat Kelengkapan Hawa Dingin, Penyejuk dan Pemanas	28,082
4.	Penyenggaraan Lain-lain Alat Kelengkapan Elektrik	15,074
5.	Penyenggaraan Peralatan Pemanas dan Penghawa Dingin	49,301
6.	Pembaikan Bangunan Pejabat	23,602
JUMLAH		**778,547**

Sumber: Rekod Pembayaran Setakat Bulan Oktober Tahun 2022, Jabatan Kerja Raya Bahagian Bintulu

1.2. Sebanyak 16 perolehan perkhidmatan penyenggaraan berjumlah RM2.80 juta merangkumi RM2.10 juta bagi empat tender dan RM0.70 juta bagi 12 sebut harga dimeterai setakat bulan Oktober 2022.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menentukan sama ada bayaran terhadap kerja penyenggaraan bangunan kediaman dan pejabat Kerajaan Negeri Sarawak di bahagian Bintulu dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang serta peraturan kewangan serta syarat kontrak yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan terhadap pembayaran penyenggaraan bangunan kediaman dan pejabat Kerajaan Negeri Sarawak di bahagian Bintulu bagi tahun 2022. Pengauditan meliputi 131 pembayaran setakat bulan Oktober 2022 berjumlah RM0.78 juta melibatkan empat tender dan 12 sebut harga. Pemeriksaan rekod dan dokumen kewangan, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai yang terlibat telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh untuk memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai 1 hingga 11 November 2022. Maklum balas daripada JKR Bintulu diterima pada 12 Januari 2023 dan 2 Mac 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 16 Februari 2023. Penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Pembayaran Bagi Kerja yang Tidak Dilaksanakan - RM34,980

4.1.1. Spesifikasi Khas Kontrak Bermasa bagi Penyenggaraan Kawasan, Pemotongan Rumput, Pembersihan Longkang dan lain-lain di Bangunan Kerajaan Negeri, Bintulu (Zon D) merangkumi empat kawasan seperti berikut:

a. Pejabat Residen, Pejabat Daerah dan Jabatan Hutan, Bintulu;
b. Jabatan Pertanian dan Perkhidmatan Veterinar, Bintulu;
c. Jabatan Pengairan dan Saliran, Bintulu; dan
d. Pejabat Agama Islam dan Mahkamah Syariah, Bintulu.

4.1.2. Klausa 4 (A) dan (C) dalam Spesifikasi Khas Kontrak Bermasa bagi Penyenggaraan Kawasan, Pemotongan Rumput, Pembersihan Longkang dan lain-lain di Bangunan Kerajaan Negeri, Bintulu (Zon D) menyatakan kerja yang dilaksanakan termasuklah:

a. Penyenggaraan Kawasan - Klausa 4(A)

i. penyenggaraan hendaklah dijalankan setiap bulan;

ii. kawasan yang disenggara adalah seperti pada sempadan yang telah ditandakan dengan warna; dan

iii. rumput hendaklah dipotong satu inci di atas tanah dan tumbuhan menjalar pada pagar (jika ada) hendaklah dibuang setiap bulan.

b. Pagar, Pintu Gerbang dan Perabot Jalan - Klausa 4(C)

Kontraktor hendaklah mengambil perhatian bahawa kontrak ini juga hendaklah termasuk pembersihan, pemotongan semua tumbuhan menjalar, rumput, semak samun, serpihan dan lain-lain dalam jarak sepuluh kaki di sepanjang keseluruhan pagar bangunan yang terjejas, kuarters dan lain-lain serta hendaklah di kedua-dua bahagian dalam dan luar pagar.

4.1.3. Klausa 39.1 pada syarat am kontrak menetapkan kadar potongan denda atau penalti berjumlah 0.0219% sehari daripada jumlah harga asal kontrak dikenakan bagi kerja yang tidak dilaksanakan.

4.1.4. Semakan Audit terhadap baucar bayaran bernombor rujukan 3209069/22/04/01332 bertarikh 14 Oktober 2022 berjumlah RM2,980 telah dibayar bagi kerja pemotongan rumput dan pembersihan longkang di Jabatan Hutan Wilayah Sarawak Bahagian Bintulu untuk bulan September 2022. Lawatan Audit pada 8 November 2022 untuk kerja pemotongan rumput dan pembersihan longkang di Jabatan Hutan Wilayah Sarawak Bahagian Bintulu mendapati **kerja pemotongan rumput tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi kontrak oleh pihak Kontraktor iaitu di sekitar kawasan belakang dan tepi pagar.** Bagaimanapun, **tuntutan yang dikemukakan oleh kontraktor bagi bulan September telah dibayar penuh tanpa mengenakan denda atau penalti ke atas kawasan yang tidak dilaksanakan.** Semakan Audit juga mendapati **ringkasan sebut harga dalam kontrak tidak dinyatakan dengan terperinci keluasan dalam meter persegi kawasan yang perlu disenggara. Ini menyukarkan**

pihak JKR Bintulu untuk mengenakan denda atau penalti terhadap ketidakpatuhan penyenggaraan kawasan oleh pihak kontraktor. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kawasan belakang dan tepi pagar bangunan tersebut tidak pernah disenggarakan disebabkan ada longgokan barang rampasan dan sukar untuk pihak kontraktor menjalankan kerja pemotongan rumput. Butiran lanjut seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

GAMBAR 1

Jabatan Hutan Wilayah Sarawak
Bahagian Bintulu
- Semak Samun Tidak Dipotong di di Sekitar Kawasan Pagar di Belakang Jabatan Hutan Wilayah Sarawak Bahagian Bintulu
(8 November 2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Jabatan Hutan Wilayah Sarawak
Bahagian Bintulu
- Rumput Tidak Dipotong di Sekitar Kawasan Tepi Bangunan Jabatan Hutan Wilayah Sarawak Bahagian Bintulu
(8 November 2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Jabatan Hutan Wilayah Sarawak
Bahagian Bintulu
- Tumbuhan Menjalar Tidak Dibersihkan di Sekitar Kawasan Pagar di Belakang Jabatan Hutan Wilayah Sarawak Bahagian Bintulu
(8 November 2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Jabatan Hutan Wilayah Sarawak
Bahagian Bintulu
- Tumbuhan Menjalar Tidak Dibersihkan di Sekitar Kawasan Pagar di Tepi Jabatan Hutan Wilayah Sarawak Bahagian Bintulu
(8 November 2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

4.1.5. Setakat tarikh pengauditan, pihak Audit tidak menerima laporan dan kenyataan bertulis daripada pihak kontraktor ataupun pihak JKR Bintulu mengenai pengecualian untuk tidak menyenggara kawasan tersebut. **Berdasarkan pengiraan Audit bagi tempoh bulan Januari hingga September 2022, sejumlah RM32,000 tuntutan telah dibuat oleh kontraktor yang lama dan sejumlah RM2,980 tuntutan telah dibuat oleh kontraktor lantikan baharu bagi kerja yang tidak dilaksanakan dengan sempurna mengikut spesifikasi.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SENARAI TUNTUTAN YANG TELAH DIBAYAR BAGI KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN DENGAN SEMPURNA MENGIKUT SPESIFIKASI

BIL.	RUJUKAN BAUCAR BAYARAN	PERIHAL BAYARAN	AMAUN (RM)
Bayaran tuntutan kepada kontraktor sebelumnya			
1.	3209069/22/04/00097 bertarikh 04.03.2022	Penyenggaraan Kawasan dan Pembersihan Longkang serta Pelbagai Kerja Lain untuk Zon D Bulan Januari 2022	4,000
2.	3209069/22/04/00305 bertarikh 30.03.2022	Penyenggaraan Kawasan dan Pembersihan Longkang serta Pelbagai Kerja Lain untuk Zon D Bulan Februari 2022	4,000
3.	3209069/22/04/00455 bertarikh 22.04.2022	Penyenggaraan Kawasan dan Pembersihan Longkang serta Pelbagai Kerja Lain untuk Zon D Bulan Mac 2022	4,000
4.	3209069/22/04/00565 bertarikh 12.05.2022	Penyenggaraan Kawasan dan Pembersihan Longkang serta Pelbagai Kerja Lain untuk Zon D Bulan April 2022	4,000
5.	3209069/22/04/00715 bertarikh 23.06.2022	Penyenggaraan Kawasan dan Pembersihan Longkang serta Pelbagai Kerja Lain untuk Zon D Bulan Mei 2022	4,000
6.	3209069/22/04/00838 bertarikh 12.07.2022	Penyenggaraan Kawasan dan Pembersihan Longkang serta Pelbagai Kerja Lain untuk Zon D Bulan Jun 2022	4,000
7.	3209069/22/04/01029 bertarikh 18.08.2022	Penyenggaraan Kawasan dan Pembersihan Longkang serta Pelbagai Kerja Lain untuk Zon D Bulan Julai 2022	4,000
8.	3209069/22/04/01209 bertarikh 21.09.2022	Penyenggaraan Kawasan dan Pembersihan Longkang serta Pelbagai Kerja Lain untuk Zon D Bulan Ogos 2022	4,000
Bayaran pertama untuk kontraktor baharu			
9.	3209069/22/04/01332 bertarikh 14.10.2022	Penyenggaraan Kawasan, Pemotongan Rumput dan Pembersihan Longkang serta Pelbagai Kerja Lain untuk Zon D Bulan September 2022	2,980
JUMLAH KESELURUHAN			**34,980**

Sumber: Rekod Baucar Bayaran Tahun 2022, Jabatan Kerja Raya Bahagian Bintulu

4.1.6. Perkara ini berlaku disebabkan pindaan terhadap skop kerja dalam dokumen kontrak tidak dibuat. Selain itu, pegawai yang bertanggungjawab untuk memperakukan kerja tidak menyatakan ulasan terhadap kerja pemotongan yang tidak dapat dilaksanakan seperti dalam spesifikasi kontrak serta tidak mencadangkan kadar yang sepatutnya dibayar kepada pihak kontraktor. Kesannya, tuntutan telah dibayar bagi kerja-kerja penyenggaraan yang tidak dilaksanakan oleh pihak kontraktor.

Maklum Balas JKR Bintulu pada 12 Januari dan 2 Mac 2023

Minit mesyuarat bersama kontraktor, surat pengecualian serta harga kontrak yang terperinci mengikut spesifikasi semasa untuk kawasan yang dikecualikan kerja penyenggaraan telah dikemukakan kepada pihak Audit.

Pernyataan Audit | **Pembayaran bagi kerja yang tidak dilaksanakan merupakan kerugian kepada Kerajaan.**

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, wujud kelemahan dalam pembayaran bagi perkhidmatan penyenggaraan premis Kerajaan. Pemahaman terhadap syarat kontrak, penyelarasan serta pemantauan yang kurang rapi semasa penyenggaraan dijalankan menyebabkan timbul kekeliruan semasa tuntutan dikemukakan untuk kelulusan serta dokumen yang kurang lengkap. Selain itu, pegawai bertanggungjawab kurang teliti terhadap dokumen sokongan yang dikemukakan sebelum pembayaran dibuat.

6. SYOR AUDIT

JKR Bintulu perlu memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dengan mengambil tindakan seperti berikut:

6.1. memastikan penyediaan sebut harga dan tender secara terperinci mengambil kira spesifikasi kerja, keluasan, bahan dan harga yang terlibat;

6.2. memastikan dokumen dan laporan untuk pengesahan pembayaran dan penyempurnaan kerja disemak dengan teliti sebelum bayaran dibuat bagi mengelakkan pembayaran dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan; dan

6.3. memantau dan menyelia kerja-kerja penyenggaraan secara berterusan bagi mengelak berlakunya ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan.

JABATAN KERJA RAYA BAHAGIAN SAMARAHAN

- Pembayaran Bagi Kerja Penyenggaraan Bangunan Kerajaan Negeri Bahagian Samarahan

2 PEMBAYARAN BAGI KERJA PENYENGGARAAN BANGUNAN KERAJAAN NEGERI BAHAGIAN SAMARAHAN

JABATAN KERJA RAYA BAHAGIAN SAMARAHAN

PERKHIDMATAN

Berperanan melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur

KEWANGAN

PERUNTUKAN RM1.27 juta

BELANJA 91.2% RM1.16 juta

OBJEKTIF

Untuk menentukan sama ada pembayaran terhadap kerja penyenggaraan dijalankan secara teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan kewangan

RM84,044 PEMBAYARAN TIDAK TERATUR

JUMLAH SEMAKAN RM1.16 JUTA

KRITERIA AUDIT

ARAHAN PERBENDAHARAAN
Perkara 99(e)(i)

PENEMUAN AUDIT

Tuntutan penuh dibayar bagi kerja yang Tidak Dilaksanakan RM84,044

RUMUSAN AUDIT

Wujud kelemahan dalam pembayaran disebabkan kelemahan dari aspek penyeliaan dan pengesahan kerja penyenggaraan.

SYOR AUDIT 3

JABATAN KERJA RAYA BAHAGIAN SAMARAHAN

2. PEMBAYARAN BAGI KERJA PENYENGGARAAN BANGUNAN KERAJAAN NEGERI BAHAGIAN SAMARAHAN

FAKTA UTAMA

RM1.27 juta	Jumlah peruntukan diluluskan pada tahun 2022
RM1.16 juta	Jumlah perbelanjaan bagi tahun 2022

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pada tahun 2022, Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan (JKR Samarahan) telah menerima peruntukan berjumlah RM1.27 juta untuk kerja penyenggaraan bangunan Kerajaan Negeri. Skop bagi kerja penyenggaraan ialah pembaikan dan penambahbaikan bangunan pejabat, pemotongan rumput, pembersihan parit, mencantas dahan pokok, landskap, pemasangan semula bumbung dan penambahbaikan surau. Butiran lanjut mengenai peruntukan dan perbelanjaan bagi kerja penyenggaraan bangunan Kerajaan Negeri seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI KERJA PENYENGGARAAN BANGUNAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2022

JENIS PEROLEHAN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN	
		(RM)	(%)
Perolehan Terus dan Sebut Harga	315,673	262,363	83.1
Tender	953,817	894,843	93.8
JUMLAH	**1,269,490**	**1,157,206**	**91.2**

Sumber: Rekod Perolehan dan Baucar Bayaran Tahun 2022, Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan

1.2. Jenis kerja penyenggaraan bangunan Kerajaan Negeri dan kawasan terlibat di bawah tanggungjawab JKR Samarahan seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEROLEHAN BAGI KERJA PENYENGGARAAN
BANGUNAN KERAJAAN NEGERI DALAM TAHUN 2022

BIL.	JENIS PENYENGARAAN	LOKASI	KAEDAH PEROLEHAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1.	Pemotongan Rumput dan Pembersihan Kawasan	JKR Bahagian Samarahan	Perolehan Terus	14,400
2.	Kerja Baik Pulih Paip	Majlis Adat Istiadat Sarawak	Perolehan Terus	9,000
3.	Pemotongan Rumput, Penyenggaraan Landskap dan Pembersihan Parit	Mahkamah Bumiputera Sarawak dan Majlis Adat Istiadat Sarawak	Sebut Harga	52,360
4.	Penyenggaraan dan Pembersihan Parit	JKR Bahagian Samarahan	Sebut Harga	9,707
5.	Kerja Penyenggaraan Bangunan	JKR Bahagian Samarahan, Pejabat Residen Samarahan dan Jabatan Tanah dan Survei	Sebut Harga	33,716
6.	Kerja Penyenggaraan Bangunan	Mahkamah Bumiputera Sarawak dan Majlis Adat Istiadat Sarawak	Sebut Harga	44,271
7.	Penyenggaraan dan Pembaikan Bumbung dan Kalis Air	Sarawak Tropical Peat Research Institute (TROPI)	Sebut Harga	98,909
8.	Kerja Membumbung Semula	Pintu Masuk Utama di Sarawak Tropical Peat Research Institute (TROPI)	Tender	182,534
9.	Kerja Pembaikan dan Penambahbaikan	Surau JKR Bahagian Samarahan	Tender	187,150
10.	Kerja Pembaikan dan Penambahbaikan	Pejabat Residen Samarahan	Tender	525,159
JUMLAH				**1,157,206**

Sumber: Rekod Perolehan dan Baucar Bayaran Tahun 2022, Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan

1.3. Bahagian Pengurusan Kontrak bertanggungjawab mengendalikan proses perolehan kerja penyenggaraan manakala Bahagian Bangunan dan Acara Rasmi di JKR Samarahan pula bertanggungjawab terhadap pemantauan dan pengesahan pembayaran bagi kerja yang telah disempurnakan oleh pihak kontraktor.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pembayaran terhadap kerja penyenggaraan bangunan Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dilaksanakan terhadap proses dan prosedur semua perolehan melalui perolehan terus, sebut harga dan tender bagi kerja penyenggaraan bangunan Kerajaan Negeri di bawah Kod Akaun 28102 dan 32202 bagi tempoh bulan Januari hingga Oktober tahun 2022 melibatkan 27 baucar bayaran untuk 10 penyenggaraan berjumlah RM1.16 juta.

3.2. Perolehan bagi penyenggaraan tersebut melibatkan 10 baucar bayaran untuk dua perolehan terus berjumlah RM23,400 manakala 12 baucar bayaran untuk lima sebut harga berjumlah RM238,963 dan lima baucar bayaran untuk tiga tender berjumlah RM0.89 juta dipilih untuk disemak. Semua baucar bayaran dipilih adalah bagi kerja penyenggaraan oleh kontraktor yang dilantik dalam skop pengauditan.

3.3. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen serta membuat analisis terhadap maklumat pembayaran. Selain itu, lawatan fizikal dan temu bual dengan pegawai yang terlibat turut dilaksanakan bagi mengesah dan memperkukuhkan lagi ketetapan penemuan Audit.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai 24 Oktober hingga 4 November 2022. Maklum balas daripada JKR Samarahan telah diterima pada 10 Januari dan 1 Mac 2023. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 20 Februari 2023. Penemuan Audit seperti berikut:

4.1. Tuntutan Penuh Dibayar Bagi Kerja yang Tidak Dilaksanakan Mengikut Spesifikasi Kontrak – Jumlah RM84,044

Arahan Perbendaharaan 99(e)(i) menetapkan baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna. Semakan Audit mendapati bayaran penuh telah dibuat bagi dua kerja yang tidak dilaksanakan dengan sempurna seperti yang ditetapkan dalam spesifikasi. Butirannya seperti berikut:

4.1.1. Kerja Pembaikan dan Penambahbaikan di Pejabat Residen Samarahan - RM40,896

a. Semakan Audit terhadap tiga baucar bayaran berjumlah RM0.53 juta mendapati **tuntutan bagi tiga jenis kerja pembaikan dan penambahbaikan berjumlah RM40,896 tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi kontrak.**

b. Borang Pesanan Perkhidmatan dan invois yang dikemukakan menunjukkan JKR Samarahan mengesahkan kerja penyenggaraan telah siap dilaksanakan dengan memuaskan. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 1 November 2022 mendapati

kerja tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi kontrak bagi kerja pemasangan cermin, besen cuci tangan dan pengering tangan. Butiran lanjut kerja seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
TUNTUTAN DIBAYAR PENUH BAGI KERJA PEMBAIKAN DAN PENAMBAHBAIKAN YANG TIDAK DILAKSANAKAN MENGIKUT SPESIFIKASI KONTRAK

BIL.	KLAUSA	SPESIFIKASI KERJA	JUMLAH (RM)	CATATAN
Kerja Pembaikan dan Penambahbaikan di Pejabat Residen Samarahan - Tempoh kontrak dari 25.10.2021 hingga 24.02.2022, Tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja pada 26.05.2022, kontrak keseluruhan bernilai RM559,389 - Klausa 3.1, Ringkasan Tender (Menyediakan tenaga buruh, alatan, mesin, kelengkapan, pengangkutan dan sebagainya untuk membina, membaiki dan kerja penambahbaikan tandas lelaki dan perempuan di tingkat 1, 2 dan 3 diselesaikan mengikut arahan Pegawai Penguasa dan pelan).				
1.	3.1 & Pelan Lukisan	Memasang Cermin Dengan Ketinggian 2600 mm di Tandas Perempuan Tingkat 1, 2 dan 3	40,896 (Sekaligus)	Cermin dipasang selepas pemeriksaan fizikal dan teguran Audit semasa Mesyuarat Pra Penutup pada 9 November 2022. (**Gambar 1 & 2**)
2.		Memasang Besen Cuci Tangan dalam Bilik Tandas Orang Kurang Upaya Tingkat 1 (Lelaki dan Perempuan)		Besen cuci tangan dipasang dalam Bilik Tandas Orang Kurang Upaya selepas pemeriksaan fizikal dan teguran Audit semasa Mesyuarat Pra Penutup pada 9 November 2022.
3.		Memasang Pengering Tangan Baharu di Tandas Perempuan Tingkat 1, 2 dan 3		Pengering tangan baharu dipasang selepas pemeriksaan fizikal dan teguran Audit semasa Mesyuarat Pra Penutup pada 9 November 2022.
JUMLAH			**40,896**	

Sumber: Kontrak Perjanjian dan Baucar Bayaran Tahun 2022, Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan

GAMBAR 1



Tandas Tingkat 1, Pejabat Residen Samarahan
- Cermin Tidak Dipasang
(1 November 2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2

Tandas Tingkat 1, Pejabat Residen Samarahan
- Cermin Telah Dipasang Selepas Teguran Audit
(9 November 2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

c. Perkara ini berlaku disebabkan pihak JKR Samarahan tidak menyemak dan membuat penyeliaan kerja di tapak dengan teliti bagi memastikan kerja yang dilaksanakan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Kelemahan penyeliaan kerja di tapak oleh JKR Samarahan menyebabkan Kerajaan telah membayar penuh tuntutan yang dikemukakan oleh pihak kontraktor.

Maklum Balas JKR Samarahan pada 10 Januari dan 1 Mac 2023

Cermin di tandas perempuan tingkat 1, 2 dan 3, besen cuci tangan dalam bilik tandas orang kurang upaya tingkat 1 dan pengering tangan di tandas perempuan tingkat 1, 2 dan 3 telah dipasang selepas teguran Audit dibuat pada 9 November 2022.

4.1.2. Kerja Pemotongan Rumput, Penyenggaraan Landskap dan Pembersihan Parit di Bangunan Mahkamah Bumiputera Sarawak dan Majlis Adat Istiadat Sarawak, Kota Samarahan – RM43,148

a. Semakan Audit terhadap tujuh baucar bayaran berjumlah RM52,360 mendapati **tuntutan bagi tiga jenis kerja penyenggaraan berjumlah RM43,148 tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi kerja dalam kontrak.**

b. Borang Pesanan Perkhidmatan, Laporan Pengesahan Kerja Siap dan invois yang dikemukakan menunjukkan JKR Samarahan mengesahkan kerja penyenggaraan telah siap dilaksanakan dengan memuaskan. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 1 November 2022 mendapati **kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi kerja dalam kontrak bagi pemotongan rumput, pembersihan parit, mencantas dahan pokok dan kerja landskap.** Butiran lanjut kerja seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
TUNTUTAN DIBAYAR PENUH BAGI KERJA PENYENGGARAAN YANG TIDAK DILAKSANAKAN MENGIKUT SPESIFIKASI KERJA YANG DITETAPKAN DALAM KONTRAK

BIL.	KLAUSA	SPESIFIKASI KERJA	JUMLAH (RM)	CATATAN
Kontrak Bermasa Pemotongan Rumput, Penyenggaraan Landskap dan Pembersihan Parit di Bangunan Mahkamah Bumiputera Sarawak dan Majlis Adat Istiadat Sarawak, Kota Samarahan - Tempoh kontrak dari 31.01.2022 hingga 30.01.2023, Nilai Maksimum Kontrak ialah RM100,000				
1.	5.1(iv)	Membersih dan Memotong Semua Pokok, Tumbuhan Menjalar dan Belukar Dalam Lingkungan Sepuluh Kaki di Sepanjang Pagar (hendaklah di kedua-dua bahagian dalam dan luar pagar)	31,486	• Tujuh bayaran (RM4,498 sebulan) bagi kerja bulan Februari sehingga Ogos 2022 telah dibuat. • Pemeriksaan fizikal pada 1 November 2022 mendapati rumput/pokok menjalar di pagar dan semak samun dalam kawasan 10 kaki di luar pagar tidak dibersihkan. (**Gambar 3 & 4**)
2.	5.2(i) & (ii)	• Memangkas, Merumput dan Membaja Landskap Dalam Kawasan Kontrak • Kerja Pemangkasan Hendaklah Termasuk Memangkas Pokok Renek dan Anak Pokok.	9,443	• Tujuh bayaran (RM1,349 sebulan) bagi kerja bulan Februari sehingga Ogos 2022 telah dibuat. • Pemeriksaan fizikal pada 1 November 2022 mendapati kerja pembersihan parit tidak

BIL.	KLAUSA	SPESIFIKASI KERJA	JUMLAH (RM)	CATATAN
		• Pembersihan Tumbuhan Menjalar Dari Tanah dan Untuk Dialihkan Daripada Tapak Dalam Sesi/Waktu Yang Sama		dilaksanakan dan terdapat mendapan tanah/lumpur dan tumbuhan liar. (**Gambar 5**)
3.	5.3 (ii)	Mengeluarkan Semua Bahan Seperti Rumput, Rumpai, Mendapan, Serpihan, Sampah Sarap dan Tumbuhan Yang Berkaitan, Untuk Aliran/Pelepasan Air Yang Cepat/Bebas Ke Dalam Saluran Keluar Utama	2,219	• Tujuh bayaran (RM317 sebulan) bagi kerja bulan Februari hingga Ogos 2022 telah dibuat. • Pemeriksaan fizikal pada 1 November 2022 mendapati kerja mencantas dahan dan landskap tidak dilaksanakan. (**Gambar 6**)
JUMLAH			**43,148**	

Sumber: Kontrak Perjanjian dan Baucar Bayaran Tahun 2022, Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan

GAMBAR 3

Mahkamah Bumiputera Sarawak
- Pagar Dawai Ditumbuhi Tumbuhan Liar yang Tidak Dibersihkan
(1 November 2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4

Majlis Adat Istiadat Sarawak
- Semak Samun Dalam Kawasan 10 Kaki di Luar Pagar Tidak Dibersihkan
(1 November 2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5

Mahkamah Bumiputera Sarawak
- Mendapan Dalam Parit yang Tidak Dibersihkan
(1 November 2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6

Mahkamah Bumiputera Sarawak
- Dahan Pokok Tidak Dipotong dan Telah Melepasi Longkang ke Jalan Raya
(1 November 2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

c. Perkara ini berlaku disebabkan pihak JKR Samarahan tidak menyemak dan membuat penyeliaan di tapak dengan teliti bagi memastikan kerja yang dilaksanakan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

d. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan kerja bagi pembersihan dan pemotongan pokok, tumbuhan menjalar dan belukar dalam lingkungan 10 kaki di sepanjang pagar telah dilaksanakan dengan sempurna kerana dokumen sokongan tidak dikemukakan oleh JKR Samarahan. Kelemahan penyeliaan kerja di tapak oleh

JKR Samarahan menyebabkan Kerajaan telah membayar penuh tuntutan yang dikemukakan oleh pihak kontraktor.

Maklum Balas JKR Samarahan pada 10 Januari dan 1 Mac 2023

Bagi Kontrak Bermasa Pemotongan Rumput, Penyenggaraan Landskap dan Pembersihan Parit di Bangunan Mahkamah Bumiputera Sarawak dan Majlis Adat Istiadat Sarawak, kerja-kerja ini telah disahkan siap seperti dinyatakan di dalam kontrak dan telah diperakui oleh agensi terlibat di dalam Laporan Pengesahan Kerja Siap.

Pernyataan Audit

Pembayaran terhadap kerja yang tidak mengikut spesifikasi kontrak merupakan pembayaran yang tidak teratur.

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan, wujud kelemahan dalam pembayaran bagi kerja penyenggaraan bangunan Kerajaan Negeri yang menyebabkan pembayaran penuh dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan. Perkara ini disebabkan kelemahan dari aspek penyeliaan kerja di tapak dan pengesahan kerja penyenggaraan yang tidak teliti serta tidak merujuk kepada klausa kontrak sebelum bayaran dibuat.

6. SYOR AUDIT

JKR Samarahan perlu memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dengan mengambil tindakan seperti berikut:

6.1. memastikan kerja yang dilaksanakan memenuhi spesifikasi kontrak sebelum bayaran diluluskan;

6.2. memastikan penyeliaan di tapak disemak dengan teliti sebelum bayaran diluluskan bagi mengelak pembayaran tidak teratur; dan

6.3. Ketua Jabatan perlu memastikan pengurusan kewangan secara teratur bagi mengelak berlakunya ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan.

JABATAN MUZIUM SARAWAK

- Pembayaran Terhadap Perkhidmatan Kawalan Keselamatan

3 PEMBAYARAN TERHADAP PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN

JABATAN MUZIUM SARAWAK

PERKHIDMATAN

Mendapatkan perkhidmatan kawalan keselamatan syarikat bagi bangunan Jabatan Muzium Sarawak

KEWANGAN

PERUNTUKAN
RM3.44 juta

BELANJA 26.5%
RM0.91 juta

OBJEKTIF

Untuk menilai sama ada bayaran terhadap perkhidmatan kawalan keselamatan diuruskan dengan teratur , berhemat dan mematuhi peraturan serta perjanjian yang berkuat kuasa.

JUMLAH SEMAKAN

RM3.44 JUTA

RM0.59 Juta

KERUGIAN

KRITERIA AUDIT

Klausa 6.6
kontrak

RUMUSAN AUDIT

Pembayaran tidak diurus dengan teratur. Ketiadaan formula pengiraan bagi denda ke atas ketidakpatuhan skop perkhidmatan dan spesifikasi kerja turut merugikan Kerajaan.

PENEMUAN AUDIT

RM0.59 Juta
Bayaran Penuh Bagi Perkhidmatan Tidak Disempurnakan

SYOR AUDIT 2

JABATAN MUZIUM SARAWAK

3. PEMBAYARAN TERHADAP PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN

FAKTA UTAMA

RM3.44 Juta	Jumlah nilai perjanjian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan untuk Bangunan-bangunan Jabatan Muzium Sarawak
RM0.91 Juta	Jumlah perbelanjaan bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan setakat bulan September 2022

1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Muzium Sarawak (JMS) telah mendapatkan perkhidmatan kawalan keselamatan syarikat bagi Bangunan Jabatan Muzium Sarawak.

1.2. Pada tahun 2022, JMS telah melaksanakan perolehan secara Tender bagi perkhidmatan kawalan keselamatan bernilai RM3.44 juta untuk tempoh tiga tahun bermula 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2024. Setakat bulan September 2022, JMS telah membayar RM0.91 juta bagi perkhidmatan kawalan keselamatan yang telah dilaksanakan.

1.3. Secara umumnya, Perkhidmatan Kawalan Keselamatan oleh syarikat yang dilantik meliputi perkara berikut:

a. kawalan keselamatan ke atas aset alih dan aset tak alih kerajaan yang terdapat dalam kawasan premis;

b. kawalan keselamatan ke atas aset yang terletak di dalam kawasan premis walaupun aset berkenaan bukan dipunyai oleh kerajaan seperti pegawai atau mana-mana orang yang dibenarkan secara sah meletakkan aset di dalam kawasan premis oleh pegawai kerajaan yang menguruskan premis;

c. membekalkan pegawal keselamatan yang mencukupi berdasarkan bilangan anggota yang ditetapkan;

d. menyediakan Guard Touring System (GTS) bagi merekod masa rondaan dibuat serta laporan GTS hendaklah dihantar pada setiap bulan; dan

e. menyediakan Buku Laporan Rondaan untuk merekodkan rondaan dibuat termasuk melaporkan apa-apa kejadian yang luar biasa semasa rondaan.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada bayaran terhadap perkhidmatan kawalan keselamatan di JMS diuruskan dengan teratur, berhemat dan mematuhi peraturan serta perjanjian yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan terhadap Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di JMS yang bernilai RM3.44 juta. Semakan Audit telah dibuat terhadap tujuh baucar bayaran dan Laporan Guard Touring System (GTS) bagi bangunan-bangunan JMS. Selain itu, lawatan fizikal terhadap enam lokasi dan temu bual bersama pegawai keselamatan serta pegawai JMS daripada Bahagian Keselamatan turut diadakan bagi mendapatkan penerangan lanjut dan mengesahkan ketepatan penemuan Audit. Senarai lokasi yang dilawati seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
LOKASI BANGUNAN JABATAN MUZIUM SARAWAK YANG DIAUDIT

BIL.	LOKASI
1.	Muzium Budaya Borneo dan Bangunan Annex
2.	Muzium Semulajadi, Muzium Seni, Bangunan Lama dan Akuarium
3.	Kubu Margherita
4.	Wallace Centre, Santubong
5.	Sungai Jaong, Santubong
6.	Bongkissam & Bukit Maras, Santubong dan Makam Sultan Tengah

Sumber: Perjanjian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, JMS.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai 7 hingga 21 November 2022 di Jabatan Muzium Sarawak (JMS). Maklum balas daripada JMS telah diterima pada 13 Februari dan 17 Mac 2023. Mesyuarat Penutup dengan pihak JMS bagi membincangkan penemuan Audit telah diadakan pada 1 Mac 2023. Penemuan Audit seperti dalam perenggan berikut:

4.1. Bayaran Penuh Dibuat untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan yang Tidak Disempurnakan

4.1.1. Klausa 6.6, Jadual 1 bagi Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan menetapkan pengawal keselamatan perlu melakukan rondaan setiap dua jam sekali ke atas semua kawasan bagi memastikan keadaan keselamatan terjamin. Klausa 8.3(b) pula menetapkan pihak Kerajaan berhak untuk mengenakan ganti rugi ke atas syarikat jika syarikat gagal menyediakan anggota keselamatan sebagaimana yang ditetapkan dalam kontrak.

4.1.2. Semakan Audit ke atas Laporan GTS bagi tempoh bulan Januari hingga September 2022 untuk enam lokasi tersebut mendapati peratus kekerapan rondaan adalah antara 84.9% hingga 96.9%. Berdasarkan Laporan GTS, terdapat pengawal keselamatan yang tidak melakukan rondaan setiap dua jam seperti yang telah ditetapkan dalam dokumen kontrak. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
LAPORAN GUARD TOURING SYSTEM
BAGI TEMPOH BULAN JANUARI HINGGA SEPTEMBER TAHUN 2022

BIL.	LOKASI RONDAAN	BILANGAN KEKERAPAN RONDAAN		PERBEZAAN (JAN-SEPT) (A)-(B)	PERATUS KEKERAPAN RONDAAN (%) B/A X 100%
		MENGIKUT KONTRAK (JAN-SEPT) (A)	MENGIKUT LAPORAN GTS (JAN-SEPT) (B)		
1.	Bongkissam & Bukit Maras, Santubong dan Makam Sultan Tengah	16,380	13,904	2,476	84.9
2.	Sungai Jaong, Santubong	16,380	14,268	2,112	87.1
3.	Muzium Budaya Borneo dan Bangunan Annex	55,692	52,146	3,546	93.6
4.	Muzium Semulajadi, Muzium Seni, Bangunan Lama dan Akuarium	29,484	27,665	1,819	93.8
5.	Wallace Centre, Santubong	4,914	4,677	237	95.2
6.	Kubu Margherita	6,552	6,352	200	96.9

Sumber: Laporan Guard Touring System Bagi Tempoh Bulan Januari hingga September Tahun 2022

4.1.3. Semakan Audit terhadap tujuh baucar bayaran bagi bulan Januari hingga September 2022 berjumlah **RM0.59 juta bagi enam kawasan di atas mendapati pihak JMS telah membayar penuh perkhidmatan keselamatan tersebut tanpa mengambil kira Laporan GTS yang tidak memenuhi peratus kekerapan rondaan.** Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan nilai denda yang sepatutnya dikenakan terhadap ketidakpatuhan kekerapan rondaan yang ditetapkan dalam kontrak perkhidmatan. Ini kerana tiada formula pengiraan bagi denda yang sepatutnya dikenakan kepada kontraktor dinyatakan dalam kontrak.

4.1.4. Perkara ini berlaku disebabkan kelemahan klausa kontrak yang tidak memasukkan formula pengiraan denda. Selain itu, wujud kelemahan dari segi semakan dokumen sokongan oleh pegawai yang bertanggungjawab sebelum pembayaran dilaksanakan. Perkara ini merugikan Kerajaan disebabkan pihak JMS membuat bayaran penuh walaupun perkhidmatan keselamatan tidak disempurnakan mengikut kontrak.

Maklum Balas JMS pada 13 Februari dan 17 Mac 2023

Pemotongan bayaran sebanyak RM4,007 telah dibuat untuk invois bulan Disember 2022 secara menyeluruh mengambil kira pengecualian kunci jam untuk majlis dan program JMS serta tempoh pemasangan Guard Touring System (GTS).

Pihak JMS telah menyediakan draf Kontrak Tambahan Kedua.

Pernyataan Audit

Ketidakpatuhan terhadap terma perjanjian boleh menjejaskan keberkesanan mutu perkhidmatan kawalan keselamatan. Selain itu, ketiadaan formula pengiraan bagi denda dalam perjanjian akan merugikan Kerajaan jika perkhidmatan tidak disempurnakan.

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pembayaran terhadap perkhidmatan kawalan keselamatan di JMS tidak diuruskan dengan teratur. Ketiadaan formula pengiraan bagi denda ke atas ketidakpatuhan skop perkhidmatan dan spesifikasi kerja turut merugikan Kerajaan. Ini disebabkan oleh kelemahan dalam penyediaan kontrak perjanjian, pemantauan dan kawalan dalaman pengurusan bayaran oleh JMS.

6. SYOR AUDIT

Jabatan Muzium Sarawak bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan dan prosedur kewangan semasa bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Oleh itu, pertimbangan sewajarnya hendaklah diambil bagi memastikan bayaran terhadap perkhidmatan kawalan keselamatan dibuat dengan teratur, cekap dan berhemat dengan mengambil kira syor yang berikut:

6.1. menambah baik klausa denda semasa penyediaan kontrak perjanjian dan mengenakan denda terhadap syarikat yang tidak mematuhi terma dan syarat perjanjian; dan

6.2. menamat dan menyenaraihitamkan syarikat yang masih gagal mematuhi syarat perjanjian dan tidak memperbaiki prestasi perkhidmatan.

JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK

- Kutipan Hasil Duti Hiburan

4 KUTIPAN HASIL DUTI HIBURAN

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK

TUGAS

Mengutip hasil duti hiburan di Negeri Sarawak selaras dengan Warta Kerajaan P.U. (B) 188, Akta Duti Hiburan 1953

KEWANGAN

KUTIPAN
RM5.06 juta

OBJEKTIF

Menentukan sama ada hasil dikutip dan diperakaun dengan betul serta teratur selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

JUMLAH SEMAKAN

- **2** Pertunjukan Pentas
- **9** Pawagam
- **19** Perlawanan Bola Sepak

RM1.02 Juta
KETIRISAN

KRITERIA AUDIT

Seksyen 8,
Subseksyen 4(1),
Subseksyen 4(2),
Subseksyen 6(1),
dan Akta Duti Hiburan 1953

PENEMUAN AUDIT

RM0.69 Juta
Duti Tertunggak Sejak Tahun 2011

RM20,377
Duti Hiburan Tidak Dikenakan

RM311,916
Duti Hiburan Tidak Dikutip

RUMUSAN AUDIT

Tidak diuruskan dengan teratur. Penguatkuasaan yang lemah telah menyebabkan tunggakan duti hiburan berlarutan dan duti hiburan tidak dikenakan dan tidak dikutip.

SYOR AUDIT 4

JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK

4. KUTIPAN HASIL DUTI HIBURAN

FAKTA UTAMA

RM5.06 juta	Jumlah kutipan keseluruhan hasil duti hiburan setakat bulan September 2022
RM0.69 juta	Jumlah tunggakan duti hiburan bagi pawagam setakat bulan September 2022
RM332,292	Jumlah duti hiburan tidak dikutip ke atas perlawanan bola sepak berjumlah RM20,377 dan persembahan pentas berjumlah RM311,916 setakat bulan September 2022

1. LATAR BELAKANG

1.1. Bahagian 3, Jadual Ke-10 dalam Perlembagaan Persekutuan menetapkan hasil bagi duti hiburan diserahkan kepada negeri. Subseksyen 2(1) Akta Duti Hiburan 1953 menetapkan tafsiran hiburan termasuklah apa-apa pameran, persembahan, keseronokan permainan atau sukan, atau apa-apa aktiviti yang boleh diisytiharkan sebagai hiburan oleh Menteri Kewangan.

1.2. Ordinan Hiburan 2000 yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak menetapkan hiburan adalah termasuk perkara berikut:

a. permainan, drama, opera, rancangan pelbagai, konsert, tarian, pertandingan kecantikan, permainan muzik dan lagu (sama ada dengan kugiran langsung atau instrumen atau peralatan lain), menyediakan kemudahan seperti ruang rehat, pub atau bar sama ada terdapat penjualan bekalan minuman beralkohol atau makanan;

b. pertunjukan bunga api, set kepingan, hiasan peringatan dan representasi makhluk sebenar atau mitos;

c. sarkas dan pameran haiwan;

d. pameran model, bahan bacaan, gambar atau patung-patung atau lain-lain bentuk representasi figura manusia atau haiwan;

e. pameran filem sinematografi, rakaman video dan pertunjukan boneka;

f. pengeluaran semula atau penghantaran selain daripada yang berkaitan dengan filem sinematografi, dengan apa-apa cara sekalipun selain telefon atau telefon radio, mana-mana muzik, lagu atau ucapan;

g. mesin dan peranti untuk mendapatkan hadiah dalam bentuk wang atau barangan;

h. jadual pin;

i. permainan video;

j. lorong boling, gelanggang luncur, biliard atau snuker;

k. pusat hiburan dan pesta keseronokan;

l. sebarang gabungan mana-mana bentuk hiburan di atas; dan

m. apa-apa aktiviti yang boleh diisytiharkan sebagai hiburan oleh Menteri, dari semasa ke semasa melalui perintah dalam Warta di mana-mana tempat di mana sama ada orang ramai diterima masuk dengan atau tanpa pembayaran wang atau pertimbangan lain.

1.3. Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak (Perbendaharaan Negeri) bertanggungjawab mengutip hasil duti hiburan di Negeri Sarawak selaras dengan Warta Kerajaan P.U. (B) 188 Akta Duti Hiburan 1953, Pelantikan di bawah Subseksyen 3(2) bagi Negeri Sarawak, Menteri telah melantik Akauntan Negeri dan semua Akauntan Perbendaharaan di semua Bahagian serta semua Pegawai Daerah dilantik sebagai Timbalan Pemungut. Kutipan hasil duti hiburan di Perbendaharaan Negeri tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan serta undang-undang yang berkaitan iaitu Akta Duti Hiburan 1953 dan Ordinan Hiburan 2000. Setakat 30 September 2022, kutipan hasil duti hiburan oleh Perbendaharaan Negeri berjumlah RM5.06 juta.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada hasil duti hiburan dikutip dan diperakaunkan dengan betul serta teratur selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dijalankan di Unit Dana, Hasil dan Percukaian, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak. Pemeriksaan Audit dijalankan terhadap dokumen dan

laporan berkaitan duti hiburan bagi dua pertunjukan pentas, sembilan pawagam dan 19 perlawanan bola sepak setakat bulan September 2022.

3.2. Pengauditan pematuhan ini dijalankan dengan meneliti peraturan kewangan, minit mesyuarat dan memeriksa rekod serta dokumen yang berkaitan. Sesi temu bual dengan pegawai yang terlibat dan pemeriksaan fizikal Audit turut dijalankan untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh daripada proses semakan yang telah dijalankan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai 3 hingga 14 Oktober 2022. Maklum balas daripada Perbendaharaan Negeri telah diterima pada 20 Mac dan 11 April 2023. Penemuan Audit seperti di perenggan berikut:

4.1. Hasil Duti Hiburan Pawagam Tertunggak Sejak Tahun 2011 – RM0.69 Juta

4.1.1. Seksyen 8 Akta Duti Hiburan 1953 menetapkan bagi hal kemasukan selain dengan cara tiket bersetem, duti hiburan boleh didapatkan daripada tuan punya sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan dengan apa-apa jalan dan cara yang sedang berkuat kuasa bagi mendapatkan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

4.1.2. Semakan Audit terhadap Penyata Tahunan Akaun Belum Terima Bagi Pemungut setakat 30 September 2022 mendapati **satu pawagam mempunyai baki tunggakan berjumlah RM0.69 juta sejak tahun 2011**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN TUNGGAKAN DUTI HIBURAN PAWAGAM DARI TAHUN 2011 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2022

BIL.	NOMBOR PENDAFTARAN SYARIKAT PAWAGAM	TAHUN TUNGGAKAN	JUMLAH TUNGGAKAN DUTI HIBURAN (RM)	BAYARAN DUTI HIBURAN PADA TAHUN 2022 (RM)	JUMLAH BAKI TUNGGAKAN YANG BELUM DIKUTIP (RM)
1.	414172-T	2011 – 2016	686,646	-	686,646
JUMLAH			**686,646**	**-**	**686,646**

Sumber: Laporan Hasil Kutipan Pawagam, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati Syarikat 414172-T tidak beroperasi sejak bulan Oktober 2016 dan **mempunyai baki tertunggak berjumlah RM0.69 juta bagi tempoh tahun 2011 sehingga September 2016. Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan 36 kali surat peringatan secara bulanan dan yang terakhir bertarikh 9 April 2017.**

4.1.4. Perbendaharaan Negeri telah merujuk perkara tersebut kepada Pejabat Peguam Besar Negeri Sarawak (SAG) bagi tujuan memohon pandangan dan nasihat lanjut untuk membolehkan tindakan undang-undang diambil seperti dalam surat bertarikh 20 November 2019. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan **tiada sebarang maklum balas yang diterima daripada SAG.** Perkara ini berlaku disebabkan kelewatan pihak Perbendaharaan Negeri dalam mengambil tindakan melalui proses undang-undang dan mengenakan penalti ke atas syarikat tersebut. Ini menyebabkan hasil kerajaan terkurang kutip berjumlah RM0.69 juta.

Maklum Balas Perbendaharaan Negeri pada 20 Mac 2023

Perbendaharaan Negeri telah mengadakan perbincangan dengan Syarikat 414172-T pada 14 Mac 2023. Hasil daripada perbincangan tersebut, Syarikat menyatakan bahawa Syarikat tidak dapat membuat bayaran secara sekali gus. Bagaimanapun, Syarikat bersetuju untuk membuat bayaran secara ansuran. Perbendaharaan Negeri menyarankan Syarikat untuk memberi maklum balas secara bertulis kepada surat tuntutan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri bertarikh 3 Februari 2023 dan mengemukakan permohonan pembayaran ansuran dengan justifikasi yang jelas untuk tindakan Perbendaharaan Negeri.

Maklum Balas Tambahan Perbendaharaan Negeri pada 11 April 2023

Merujuk kepada surat maklum balas daripada Syarikat kepada Perbendaharaan Negeri bertarikh 22 Mac 2023, Syarikat telah membuat bayaran berjumlah RM5,000 pada 22 Mac 2023 sebagai bayaran tunggakan untuk bulan Ogos 2011. Syarikat memohon untuk membuat bayaran ansuran tidak kurang dari RM1,000 sebulan dan jumlah tersebut akan disemak setiap enam bulan. Ini memandangkan Syarikat mengalami masalah kewangan dan dalam proses membayar hutang-hutang yang lain.

Seterusnya, Perbendaharaan Negeri telah menghantar surat kepada Peguam Negeri bertarikh 10 April 2023 bagi memohon pandangan dan nasihat berdasarkan undang-

undang yang berkaitan. Sehingga kini, belum ada maklum balas daripada SAG berhubung perkara tersebut.

Pernyataan Audit	**Tunggakan duti hiburan bagi pawagam yang belum dikutip menjejaskan hasil Kerajaan.**

4.2. Duti Hiburan Tidak Dikenakan/Tidak Dikutip

a. Subseksyen 4(1) Akta Duti Hiburan 1953 menetapkan duti hendaklah dicaj, dilevi dan dibayar kepada pemungut atas tiap-tiap bayaran bagi kemasukan ke mana-mana hiburan pada kadar yang ditetapkan Dewan Rakyat dari semasa ke semasa. Mesyuarat Dewan Rakyat yang diadakan pada 10 Mei 2001 meluluskan ketetapan bahawa mulai 1 Oktober 2001, duti hiburan dikenakan pada kadar 25% ke atas bayaran masuk mana-mana hiburan. Subseksyen 4(2) Akta Duti Hiburan 1953 menetapkan duti hiburan pada kadar setengah daripada kadar yang ditetapkan mengikut Subseksyen (1) hendaklah dicajkan, dilevi dan dibayar kepada Pemungut atas tiap-tiap bayaran bagi kemasukan ke mana-mana hiburan iaitu di mana semua penghibur yang kata-katanya atau tindakannya membentuk sesuatu hiburan adalah hadir dan membuat persembahan dan hiburan itu terdiri daripada satu atau lebih daripada yang berikut;

- pementasan drama;
- tarian balet (sama ada pementasan drama atau tidak);
- persembahan muzik (sama ada vokal atau instrumental);
- syarahan, pengucapan, pusparagam atau hiburan aneka ragam;
- sarkas, pertunjukan mengembara atau suatu pertunjukan binatang liar; dan
- permainan sukan selain perlumbaan atau pertandingan kelajuan binatang, kenderaan, vesel bermotor atau pesawat.

b. Subseksyen 6(1) Akta Duti Hiburan 1953 menetapkan duti hiburan hendaklah dilevi, dibayar dan dipungut sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan di bawah Akta ini, sama ada dengan meletakkan suatu setem di atas atau dilekatkan pada apa-apa tiket masuk yang menunjukkan duti hiburan yang sepatutnya telah dibayar atau selainnya. Semakan audit mendapati perkara seperti berikut:

4.2.1. Duti Hiburan Tidak Dikenakan ke Atas Tiket Bagi 19 Perlawanan Bola Sepak Berjumlah RM20,377

a. Semakan Audit terhadap Laporan Perlawanan Bola Sepak mendapati sebanyak 19 perlawanan bola sepak telah diadakan di Stadium Negeri Sarawak bagi tempoh bulan Mac hingga September 2022. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SENARAI PERLAWANAN BOLA SEPAK DARI BULAN MAC HINGGA SEPTEMBER 2022

BIL	TARIKH/MASA PERLAWANAN	PERLAWANAN BOLA SEPAK	TIKET YANG DIJUAL (BILANGAN)	JUALAN TIKET (RM)	JUMLAH DUTI YANG PERLU DIBAYAR (RM)
LIGA SUPER					
1	04.03.2022 8:15 malam	Sarawak United FC lawan Kedah Darul Aman FC	1,574	21,439	2,680
2	05.04.2022 9:15 malam	Sarawak United FC lawan Penang FC	636	8,640	1,080
3	10.04.2022 9:15 malam	Sarawak United FC lawan Sabah FC	1,105	15,133	1,892
4	17.04.2022 9:15 malam	Sarawak United FC lawan Terengganu FC	694	9,033	1,129
5	06.05.2022 8:15 malam	Sarawak United FC lawan Negeri Sembilan FC	618	7,810	976
6	17.05.2022 8:15 malam	Sarawak United FC lawan KL City FC	362	4,706	588
7	27.07.2022 8:15 malam	Sarawak United FC lawan Johor Darul Ta'zim FC	3,885	50,361	6,295
8	17.08.2022 8.15 malam	Sarawak United FC lawan PJ City FC	453	5,628	704
JUMLAH			**9,327**	**122,750**	**15,344**
LIGA PREMIER					
9	11.04.2022 9:15 malam	Kuching City FC lawan Kelantan FC	297	3,630	454
10	23.04.2022 9:15 malam	Kuching City FC lawan Projek FAM-MSN	240	2,720	340
11	24.05.2022 8:15 malam	Kuching City FC lawan Terengganu FC II	315	3,720	465
12	27.05.2022 7:30 malam	Kuching City FC lawan Perak FC	256	3,270	409
13	25.06.2022 8:15 malam	Kuching City FC lawan PDRM FC	346	4,165	521
14	09.08.2022 8:15 malam	Kuching City FC lawan Johor Darul Ta'zim II	491	5,905	738
15	20.08.2022 8:15 malam	Kuching City FC lawan UITM FC	178	2,025	253
16	24.08.2022 8:15 malam	Kuching City FC lawan Selangor FC 2	152	1,795	224
17	04.09.2022 7:30 malam	Kuching City FC lawan Kelantan United FC	143	1,705	213
JUMLAH			**2,418**	**28,935**	**3,617**
PIALA FA					
18	13.03.2022 8:15 malam	Sarawak United FC lawan Ultimate FC	570	7,622	953
19	31.03.2022 8:15 malam	Kuching City FC lawan UITM FC	309	3,705	463
JUMLAH			**879**	**11,327**	**1,416**
JUMLAH KESELURUHAN			**12,624**	**163,012**	**20,377**

Sumber: Laporan Perlawanan Bola Sepak, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

b. Semakan Audit selanjutnya terhadap Laporan Perlawanan Bola Sepak dan Laporan Kutipan Hasil Duti Hiburan mendapati **tiada duti hiburan dikenakan terhadap 19 perlawanan bola sepak. Dianggarkan jumlah duti hiburan yang tidak dikenakan berjumlah RM20,377.** Perkara ini berlaku disebabkan tiada tindakan tegas diambil oleh pihak Perbendaharaan Negeri dalam memastikan duti hiburan dikutip selepas tamat tempoh pengecualian.

Maklum Balas Perbendaharaan Negeri pada 20 Mac 2023

Pihak Perbendaharaan Negeri memaklumkan duti hiburan bagi perlawanan bola sepak adalah 12.5% berdasarkan kepada Subseksyen 4(2) mengenai Duti dalam Akta Duti Hiburan 1953. Perbendaharaan Negeri telah mengadakan satu perbincangan bersama pihak Persatuan Bola Sepak Negeri Sarawak (FAS) pada 11 Januari 2019 dan pihak FAS telah diarahkan untuk membayar duti hiburan.

Pernyataan Audit	**Duti hiburan tidak dikenakan ke atas tiket bagi 19 perlawanan bola sepak boleh menjejaskan hasil Kerajaan.**

4.2.2. Duti Hiburan Tidak Dikutip Terhadap Satu Persembahan Pentas Dianggarkan Berjumlah RM311,916

a. Semakan Audit terhadap dua Permohonan Permit Jualan Tiket bagi Persembahan Pentas mendapati kedua-dua persembahan tersebut telah berlangsung sepanjang bulan Ogos hingga September 2022. Persembahan pentas bagi Konsert *Wing One Night Only* pada 27 Ogos 2022 telah mendapat kelulusan pengecualian duti hiburan daripada Setiausaha Kerajaan Negeri. Bagaimanapun persembahan pentas bagi Borneo *Music Festival Live* pada 9 hingga 10 September 2022 tidak mendapat pengecualian duti hiburan dan tidak dikutip.

b. **Mengikut perkiraan Audit, duti hiburan yang tidak dikutip ke atas persembahan pentas tersebut dianggarkan berjumlah RM311,916**. Perkara ini berlaku disebabkan tiada pemantauan dan tindakan susulan yang tegas diambil oleh Perbendaharaan Negeri. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
DUTI HIBURAN TIDAK DIKUTIP KE ATAS PERSEMBAHAN PENTAS

PERSEMBAHAN	TARIKH PERSEMBAHAN	ANGGARAN JUALAN TIKET (RM)	ANGGARAN DUTI HIBURAN (RM)
Borneo Music Festival 2022	09.09.2022 - 10.9.2022 (2 hari)	2,495,324	311,916
JUMLAH		**2,495,324**	**311,916**

Sumber: Fail Duti Hiburan Jabatan Perbendaharaan Negeri

Maklum Balas Perbendaharaan Negeri pada 20 Mac 2023

Pihak Perbendaharaan Negeri telah menghantar dua surat peringatan permohonan pengecualian duti hiburan kepada syarikat penganjur Borneo *Music Festival Live* 2022 bertarikh 18 Oktober 2022 dan 15 Februari 2023. Selain itu, Setiausaha Kerajaan Negeri juga akan menambah baik garis panduan kutipan duti hiburan secara menyeluruh supaya menjadi lebih jelas dan teratur. Garis panduan ini akan dibentangkan untuk mendapat kelulusan pihak berkuasa dalam suku ke empat tahun 2023.

Pernyataan Audit

Pemantauan yang kurang berkesan terhadap kutipan duti hiburan persembahan pentas menjejaskan hasil Kerajaan Negeri.

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan hasil duti hiburan tidak diuruskan dengan teratur di Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak. Penguatkuasaan yang lemah telah menyebabkan tunggakan duti hiburan bagi pawagam berlarutan sejak tahun 2011 dan duti hiburan tidak dikenakan ke atas perlawanan bola serta duti hiburan tidak dikutip ke atas persembahan pentas.

6. SYOR AUDIT

Perbendaharaan Negeri Sarawak bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan dan prosedur kewangan bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Oleh itu, pertimbangan sewajarnya hendaklah diambil oleh Perbendaharaan Negeri mengenai perkara berikut:

6.1. mengambil tindakan proaktif bagi memastikan pengusaha pusat hiburan membuat bayaran pada masa yang ditetapkan bagi mengelakkan tunggakan;

6.2. mengena dan mengutip duti hiburan bagi semua jenis hiburan seperti yang ditetapkan dalam Subseksyen 2(1) Akta Duti Hiburan 1953 dan Ordinan Hiburan 2000;

6.3. menyediakan garis panduan bagi kutipan hasil duti hiburan yang jelas bagi melancarkan proses kutipan duti hiburan; dan

6.4. bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklumat berkaitan lesen dan permit hiburan yang telah diluluskan.

PERBADANAN PERHUTANAN SARAWAK

- Pembayaran Bagi Kerja Penyenggaraan dan Perkhidmatan Berkala

5 PEMBAYARAN BAGI KERJA PENYENGGARAAN DAN PERKHIDMATAN BERKALA

PERBADANAN PERHUTANAN SARAWAK

PERKHIDMATAN

Pembaikan dan penyenggaraan bangunan serta perkhidmatan berkala

KEWANGAN

PERUNTUKAN
RM62 juta

BELANJA 3.06%
RM1.90 Juta

OBJEKTIF

Menentukan sama ada pembayaran dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang, peraturan kewangan serta syarat kontrak yang berkuat kuasa.

JUMLAH SEMAKAN
RM1.90 Juta

RM263,332
KERUGIAN

PEMBAYARAN TIDAK TERATUR
RM0.87 Juta

KRITERIA AUDIT

Arahan Perbendaharaan 99(e)(i)

Klausa kontrak

RUMUSAN AUDIT

Kelemahan semasa proses penyediaan dokumen dan pengurusan kontrak menyebabkan pembayaran tanpa pengesahan dan denda tidak dapat dikutip.

SYOR AUDIT 3

PENEMUAN AUDIT

RM186,634
Bayaran Bagi Perkhidmatan Yang Tidak Sempurna

RM0.76 Juta
Bayaran Bagi Perkhidmatan Tanpa Pengesahan

RM76,698
Bayaran Bagi Perkhidmatan Yang Tidak Dilaksanakan

RM108,477
Bayaran Bagi Perkhidmatan Tanpa Pengesahan

PERBADANAN PERHUTANAN SARAWAK

5. PEMBAYARAN BAGI KERJA PENYENGGARAAN DAN PERKHIDMATAN BERKALA

FAKTA UTAMA

RM62 Juta	Jumlah geran yang diterima pada tahun 2022
RM1.90 Juta	Jumlah pembayaran penyenggaraan dan perkhidmatan berkala tahun 2022

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pada tahun 2022, Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC) telah menerima sejumlah RM62 juta geran daripada Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar untuk menampung perbelanjaan operasi meliputi pembaikan dan penyenggaraan serta perkhidmatan berkala. Setakat 31 Oktober 2022, sejumlah RM1.90 juta telah dibelanjakan dan butiran lanjut mengenai penyenggaraan dan perkhidmatan berkala tersebut seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMBAYARAN PENYENGGARAAN DAN PERKHIDMATAN BERKALA SETAKAT 31 OKTOBER 2022

BUTIRAN	AMAUN (RM)
Pembaikan dan Penyenggaraan:	
Ibu Pejabat	151,411
Pejabat Wilayah Kuching	388,884
Pejabat Wilayah Sibu	165,266
Pejabat Wilayah Bintulu	89,944
Pejabat Wilayah Miri	139,252
Perkhidmatan Berkala:	
Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (tender)	821,952
Perkhidmatan Memotong Rumput/Landskap (tender)	126,603
Lain-lain	17,244
JUMLAH	**1,900,556**

Sumber: Lejar Am, Perbadanan Perhutanan Sarawak

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menentukan sama ada pembayaran kerja penyenggaraan dan perkhidmatan berkala di SFC dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang, peraturan kewangan serta syarat kontrak yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dijalankan meliputi pematuhan terhadap pembayaran bagi kerja penyenggaraan dan perkhidmatan berkala di SFC.

3.2. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen dan menganalisis data, rekod, syarat kontrak serta dokumen bayaran bagi kerja penyenggaraan dan perkhidmatan berkala di SFC. Temu bual juga turut dibuat dengan pegawai yang berkaitan bagi pengesahan maklumat yang diperolehi serta memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai 16 hingga 29 November 2022 di Pejabat SFC. Maklum balas telah diterima pada 13 Januari dan 22 Februari 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 15 Februari 2023. Penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

4.1. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan

Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan bernilai RM2.26 juta telah ditawarkan kepada Syarikat 756182-P melalui Surat Setuju Terima bil NAF/ADMIN/2021 (397) bertarikh 17 Disember 2021. Tempoh kontrak adalah selama 24 bulan bermula dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2023.

4.1.1. Pembayaran Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan yang Tidak Sempurna - RM186,634

a. Merujuk kepada Appendiks A dan B dalam Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan kepada SFC menetapkan spesifikasi kerja seperti dalam **Jadual 2** berikut:

JADUAL 2
SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN

BIL.	LOKASI	JUMLAH RONDAAN SEHARI (JAM) (A)	KEKERAPAN RONDAAN (B)	BIL. TITIK RONDAAN (C)	JUMLAH KEKERAPAN RONDAAN SEHARI (D = (A/B) x C)
1.	Ibu Pejabat	24	Setiap 2 jam	12	144
2.	Semenggoh Wildlife Centre	15	Setiap 2 jam	2	16
3.	Matang Wildlife Centre	15	Setiap 2 jam	6	48
4.	Kubah National Park	15	Setiap 2 jam	6	48
5.	Wind Cave Nature Reserves	15	Setiap 2 jam	8	64
6.	Fairy Cave Nature Reserves	15	Setiap 2 jam	4	32
7.	Samajaya Nature Reserves	15	Setiap 1 jam	7	105
8.	Sabal National Park	15	Setiap 1 jam	4	60

Sumber: Dokumen Kontrak, Perbadanan Perhutanan Sarawak

b. Semakan Audit terhadap 10 baucar bayaran berjumlah RM186,634 dan Laporan Rondaan yang diterima oleh SFC daripada kontraktor pada 24 November 2022 mendapati **pengawal keselamatan tidak melaksanakan jumlah rondaan seperti yang telah ditetapkan dalam kontrak bagi tempoh bulan Januari hingga Oktober 2022 melibatkan lapan lokasi di sekitar Kuching.** Selain itu, Laporan Rondaan tidak disediakan bagi bulan Januari 2022 untuk semua lokasi di sekitar Kuching kecuali Ibu Pejabat. Butiran terperinci jumlah rondaan yang tidak dilaksanakan seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
RONDAAN YANG TIDAK DILAKSANAKAN OLEH PENGAWAL KESELAMATAN

BIL.	LOKASI	TEMPOH (BULAN)	JUMLAH KEKERAPAN RONDAAN			AMAUN BAUCAR BAYARAN (RM)
			PATUT RONDA (A)	SEBENAR RONDA (B)	RONDAAN TIDAK DIBUAT (C = A - B)	
1.	Ibu Pejabat	Januari, April - Oktober	35,280	29,436	5,844	62,698
2.	Semenggoh Wildlife Centre	Mac - April	976	970	6	5,765
3.	Matang Wildlife Centre	Februari - Oktober	13,104	6,374	6,730	25,940
4.	Kubah National Park	Mei	1,488	1,487	1	2,882
5.	Wind Cave Nature Reserves	Februari - Oktober	17,472	8,666	8,806	25,940
6.	Fairy Cave Nature Reserves	Jun - Oktober	4,896	4,807	89	14,411
7.	Samajaya Nature Reserves	Februari - September	25,410	9,550	15,860	23,058
8.	Sabal National Park	Februari - Oktober	16,380	8,736	7,644	25,940
JUMLAH			**115,006**	**70,026**	**44,980**	**186,634**

Sumber: Laporan Rondaan Pengawal Keselamatan, Perbadanan Perhutanan Sarawak

c. Semakan Audit selanjutnya terhadap dokumen kontrak perkhidmatan mendapati **klausa denda tidak dinyatakan menyebabkan denda tidak dapat dikenakan.**

d. Perkara ini berlaku disebabkan penyeliaan dan pemantauan berkala tidak dijalankan oleh pegawai yang bertanggungjawab menyebabkan pengawal keselamatan tidak melaksanakan rondaan seperti yang telah ditetapkan dalam kontrak. Selain itu, tiada bukti semakan terhadap Laporan Rondaan menyebabkan pembayaran penuh dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan yang boleh mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan. Tambahan, dokumen kontrak yang disediakan tidak dibuat dengan lengkap dan menyeluruh menyebabkan denda tidak dapat dikenakan kerana tiada klausa denda ditetapkan dalam kontrak yang ditandatangani.

Maklum Balas SFC pada 13 Januari dan 22 Februari 2023

SFC sedang menyemak semula spesifikasi kerja bertujuan menambah klausa denda/penalti ke dalam perjanjian bagi ketidakpatuhan terhadap spesifikasi kontrak. Selain itu, SFC telah mengeluarkan arahan bertarikh 16 Februari 2023 kepada semua kakitangan bagi mempertingkatkan kawalan terhadap pengurusan kontrak supaya perkara yang sama tidak berulang.

Pernyataan Audit

Pembayaran ke atas perkhidmatan yang tidak sempurna merupakan kerugian kepada Kerajaan dan kelemahan dalam penyediaan dokumen kontrak menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjaga.

4.1.2. Pembayaran Berjumlah RM759,944 Terhadap Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Pengesahan

a. Arahan Perbendaharaan 99(e)(i) menetapkan baucar bayaran bagi perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna.

b. Perkara vii, Lampiran A, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 10.3 menafsirkan pembayaran tidak teratur sebagai apa-apa bayaran yang dibenarkan dan apa-apa bayaran yang dibuat tanpa pengesahan pegawai yang diberi kuasa.

c. Semakan Audit terhadap 10 baucar bayaran bagi pembayaran perkhidmatan kawalan keselamatan untuk tempoh bulan Januari hingga Oktober 2022 mendapati **tuntutan berjumlah RM0.76 juta telah dibayar hanya berdasarkan invois yang diterima tanpa perakuan bahawa perkhidmatan telah dilaksanakan dengan sempurna.** Butiran lanjut pembayaran seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
SENARAI PEMBAYARAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN

BIL.	TARIKH / NO. BAUCAR BAYARAN	PERIHAL BAYARAN	AMAUN (RM)
1.	28.02.2022 / PV22000392	Bayaran bagi bulan Januari 2022	49,247
2.	31.03.2022 / PV22000560	Bayaran bagi bulan Februari 2022	88,446
3.	17.04.2022 / PV22000648	Bayaran bagi bulan Mac 2022	91,328
4.	31.05.2022 / PV22000953	Bayaran bagi bulan April 2022	91,328
5.	30.06.2022 / PV22001164	Bayaran bagi bulan Mei 2022	91,328
6.	17.07.2022 / PV22001250	Bayaran bagi bulan Jun 2022	85,563
7.	17.08.2022 / PV22001464	Bayaran bagi bulan Julai 2022	67,117
8.	17.09.2022 / PV22001690	Bayaran bagi bulan Ogos 2022	64,235
9.	17.10.2022 / PV22001891	Bayaran bagi bulan September 2022	73,458
10.	17.11.2022 / PV22002148	Bayaran bagi bulan Oktober 2022	57,894
JUMLAH			**759,944**

Sumber: Baucar Pembayaran Tahun 2022, Perbadanan Perhutanan Sarawak

d. Perkara ini berlaku disebabkan SFC hanya menerima invois sahaja semasa tuntutan dibuat tanpa dokumen sokongan seperti Laporan Rondaan untuk mengesahkan kesempurnaan perkhidmatan yang telah diberikan oleh kontraktor. Ini boleh menyebabkan Kerajaan membayar perbelanjaan yang tidak sepatutnya dan ia merupakan satu pembayaran yang tidak teratur selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 10.3**.**

Maklum Balas SFC pada 13 Januari dan 22 Februari 2023

Pihak SFC akan memastikan pembekal melampirkan Rekod Kehadiran dan Laporan Rondaan bersama invois. Selain itu invois perlu dicap 'Kebenaran Pembayaran' dan disahkan oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan. Selain itu, invois bersama dokumen sokongan hendaklah disemak sebelum sebarang pembayaran dibuat.

Pernyataan Audit | **Pembayaran terhadap perkhidmatan tanpa pengesahan pegawai yang diberi kuasa merupakan pembayaran tidak teratur.**

4.2. Perkhidmatan Pemotongan Rumput dan Perkhidmatan Berkaitan

Dua kontrak Perkhidmatan Pemotongan Rumput dan Perkhidmatan Berkaitan telah ditawarkan kepada Syarikat 1253785-X dengan nilai kontrak berjumlah RM203,116 seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KONTRAK PERKHIDMATAN
PEMOTONGAN RUMPUT DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN

BIL.	PERIHAL PEROLEHAN / NO. TENDER	NO. SURAT SETUJU TERIMA / TARIKH	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM)
1.	Perkhidmatan Memotong rumput dan Perkhidmatan Berkaitan di Bako National Park, Kuching, Sarawak/ SFC/TD2022/07	Tiada Surat Setuju Terima	01.07.2022 hingga 30.06.2023 (12 bulan)	87,720
2.	Perkhidmatan Memotong Rumput, Lanskap dan Penyelenggaraan Kawasan di Perbadanan Perhutanan Sarawak/ SFC/T2020/08	PGSB/COR/OUT/20 1109/SFC/LOA / 19.11.2020	16.11.2020 hingga 31.12.2022 (25.5 bulan)	115,396
JUMLAH				**203,116**

Sumber: Rekod Perolehan, Perbadanan Perhutanan Sarawak

4.2.1. Pembayaran Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput dan Perkhidmatan Berkaitan yang Tidak Dilaksanakan - RM76,698

a. Merujuk kepada kontrak Perkhidmatan Pemotongan Rumput dan Perkhidmatan Berkaitan, spesifikasi dan keperluan kontrak seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
SPESIFIKASI KONTRAK
PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN

BIL.	SKOP KERJA	BIL. ZON (A)	KEKERAPAN (B)	JUMLAH KEKERAPAN (C = A x B)
Taman Negara Bako				
1.	Pemotongan rumput di kesemua 4 zon	4	2 kali sebulan	8
2.	Pembersihan longkang sempadan di kesemua 4 zon	4	2 kali sebulan	8
3.	Pembersihan longkang monsun di kesemua 4 zon	4	Sekali sebulan	4
Ibu Pejabat				
1.	Pemotongan rumput di kesemua 9 zon	9	2 kali sebulan	18
2.	Pembersihan tumbuh-tumbuhan di kawasan saliran di Zon G & H (2 zon)	2	Sekali sebulan	2
3.	Penyenggaraan taman	1	2 kali sebulan	2

BIL.	SKOP KERJA	BIL. ZON (A)	KEKERAPAN (B)	JUMLAH KEKERAPAN (C = A x B)
4.	Pemangkasan tumbuhan/dahan	1	Sekali sebulan	1
5.	Pembajaan tumbuhan hiasan	1	3 bulan sekali	1 kali dalam 3 bulan
6.	Pembersihan daun-daun gugur	1	4 kali sebulan	4
7.	Pembersihan sampah-sarap	1	4 kali sebulan	4
8.	Pembersihan lumpur/lumut di tempat letak kereta	1	Sekali sebulan	1
9.	Pembersihan tumbuh-tumbuhan di tepi jalan raya	1	Sekali sebulan	1
10.	Pembersihan tumbuh-tumbuhan menjalar di kedua-dua belah pagar	1	Sekali sebulan	1
11.	Pembersihan longkang sempadan dan longkang monsun	1	Sekali sebulan	1
Samajaya Nature Reserves				
1.	Pemotongan rumput di kesemua 10 zon	10	2 kali sebulan	20
2.	Pembersihan longkang sempadan dan longkang monsun di 5 Zon	5	2 bulan sekali	5 kali dalam 2 bulan

Sumber: Dokumen Kontrak, Perbadanan Perhutanan Sarawak

b. Semakan Audit terhadap sepuluh baucar bayaran dan Laporan Bulanan yang diterima oleh SFC daripada kontraktor pada 23 November 2022 mendapati **kontraktor tidak melaksanakan tugas mengikut jumlah kekerapan yang telah ditetapkan dalam kontrak bagi tempoh bulan Januari hingga Oktober 2022 untuk tiga kawasan iaitu di Taman Negara Bako, Ibu Pejabat dan Samajaya Nature Reserves.**

c. Semakan lanjut Audit terhadap laporan bulanan mendapati **pihak SFC telah memperaku kekerapan pihak kontraktor yang melaksanakan perkhidmatan walaupun kurang daripada kekerapan yang sepatutnya.** Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
ANALISIS JADUAL PEMOTONGAN RUMPUT DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN

BIL.	SKOP KERJA	KEKERAPAN BERDASARKAN KONTRAK	KEKERAPAN SEBENAR		AMAUN BAUCAR BAYARAN (RM)
			BULAN	KEKERAPAN	
Taman Negara Bako					
1.	Pemotongan rumput di kesemua 4 zon	2 kali sebulan (8 kali)	Julai	7/8	21,930
			Ogos	2/8	
2.	Pembersihan longkang sempadan di kesemua 4 zon	2 kali sebulan (8 kali)	Julai	3/8	
			Ogos	3/8	
			September	4/8	
3.	Pembersihan longkang monsun di kesemua 4 zon	Sekali sebulan (4 kali)	Julai	0/4	
			Ogos	0/4	
			September	0/4	
Ibu Pejabat					
1.	Pemotongan rumput di kesemua 9 zon	2 kali sebulan (18 kali)	Mac	4/18	36,634
			April	14/18	

BIL.	SKOP KERJA	KEKERAPAN BERDASARKAN KONTRAK	KEKERAPAN SEBENAR		AMAUN BAUCAR BAYARAN (RM)
			BULAN	KEKERAPAN	
2.	Pembersihan tumbuh-tumbuhan di kawasan saliran di Zon G & H (2 zon)	Sekali sebulan (2 kali)	Januari	0/2	
			September	0/2	
3.	Penyenggaraan taman	2 kali sebulan (2 kali)	Januari	1/2	
			Mac	1/2	
			April	1/2	
			Mei	1/2	
			Julai	0/2	
			Ogos	1/2	
			September	0/2	
4.	Pemangkasan tumbuhan/dahan	Sekali sebulan (1 kali)	Ogos	0/1	
			September	0/1	
5.	Pembajaan tumbuhan hiasan	3 bulan sekali	Julai Ogos September	0/1	
6.	Pembersihan daun-daun gugur	4 kali sebulan (4 kali)	Januari	2/4	
			Mac	1/4	
			April	1/4	
			Mei	2/4	
			Jun	3/4	
			Ogos	3/4	
7.	Pembersihan sampah-sarap	4 kali sebulan (4 kali)	Januari	0/4	
			Mac	1/4	
			April	1/4	
			Mei	2/4	
			Jun	2/4	
			Julai	0/4	
8.	Pembersihan lumpur/lumut di tempat letak kereta	Sekali sebulan (1 kali)	September	0/1	
9.	Pembersihan tumbuh-tumbuhan di tepi jalan raya	Sekali sebulan (1 kali)	September	0/1	
10.	Pembersihan tumbuh-tumbuhan menjalar di kedua-dua belah pagar	Sekali sebulan (1 kali)	Januari	0/1	
			Mac	0/1	
			Mei	0/1	
			Julai	0/1	
			September	0/1	
11.	Pembersihan longkang sempadan dan longkang monsun	Sekali sebulan (1 kali)	Januari	0/1	
			September	0/1	
Samajaya Nature Reserves					
1.	Pemotongan rumput di kesemua 10 Zon	2 kali sebulan (20 kali)	April	17/20	18,134
			Mei	10/20	
			Ogos	10/20	
			September	10/20	
2.	Pembersihan longkang sempadan dan longkang monsun di 5 Zon	2 bulan sekali (5 kali)	Mei Jun	4/5	
			Julai Ogos	1/5	
JUMLAH					**76,698**

Sumber: Laporan Bulanan, Perbadanan Perhutanan Sarawak

d. Lawatan Audit yang dijalankan pada 25 November 2022 di Ibu Pejabat, dan Samajaya Nature Reserves mendapati, **kawasan yang tidak dipotong rumput disebabkan takungan air pada kawasan tersebut. Semakan lanjut Audit mendapati kawasan tersebut termasuk dalam zon yang perlu dipotong mengikut ketetapan kontrak. SFC tidak membuat tolakan bayaran atau mengenakan sebarang**

denda kepada ketidakpatuhan tersebut. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

GAMBAR 1



Ibu Pejabat SFC
Rumput di Dalam Zon I Tidak Dipotong
(25.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Samajaya Nature Reserves
Rumput Dalam Zon K2 Tidak Dipotong
(25.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

e. Semakan Audit selanjutnya terhadap dokumen kontrak perkhidmatan mendapati **klausa denda tidak dinyatakan menyebabkan denda tidak dapat dikenakan.**

f. Perkara ini berlaku disebabkan pegawai yang memperaku kehadiran kontraktor tidak menyemak dengan teliti dan merujuk kepada spesifikasi kontrak sebelum membuat perakuan. Selain itu, pemantauan semasa dan selepas perkhidmatan dilaksanakan tidak dijalankan dengan teliti menyebabkan terdapat kawasan yang tidak dipotong rumput. Pembayaran yang dibuat walaupun kerja tidak

dilaksanakan dengan sempurna dan memenuhi spesifikasi kontrak merupakan kerugian kepada Kerajaan. Tambahan pula dokumen kontrak tidak disediakan dengan lengkap dan menyeluruh menyebabkan denda tidak dapat dikenakan kerana tiada klausa kontrak ditetapkan.

Maklum Balas SFC pada 13 Januari dan 22 Februari 2023

SFC sedang menyemak semula spesifikasi kerja bertujuan menambah klausa denda/penalti ke dalam perjanjian bagi ketidakpatuhan terhadap spesifikasi kontrak. Selain itu, SFC telah mengeluarkan arahan bertarikh 16 Februari 2023 kepada semua kakitangan bagi mempertingkatkan kawalan terhadap pengurusan kontrak supaya perkara yang sama tidak berulang.

Pernyataan Audit

Pembayaran terhadap perkhidmatan pemotongan rumput dan perkhidmatan berkaitan yang tidak dilaksanakan merupakan kerugian kepada Kerajaan manakala kelemahan dalam penyediaan dokumen kontrak menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjaga.

4.2.2. Pembayaran Terhadap Perkhidmatan yang Pemotongan Rumput dan Perkhidmatan Berkaitan Tanpa Pengesahan - RM108,477

a. Arahan Perbendaharaan 99(e)(i) menetapkan baucar bayaran bagi perkhidmatan atau kerja hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa perkhidmatan atau kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna.

b. Perkara vii, Lampiran A, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 10.3 menafsirkan pembayaran tidak teratur sebagai apa-apa bayaran yang dibenarkan dan apa-apa bayaran yang dibuat tanpa pengesahan pegawai yang diberi kuasa.

c. Semakan Audit terhadap 11 baucar bayaran berjumlah RM108,477 bagi tempoh bulan Januari hingga Oktober 2022 mendapati **tuntutan bagi pembayaran perkhidmatan pemotongan rumput dan perkhidmatan berkaitan telah dibayar hanya berdasarkan invois yang diterima tanpa perakuan bahawa perkhidmatan telah dilaksanakan dengan sempurna.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
SENARAI PEMBAYARAN
PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN

BIL.	TARIKH / NO. BAUCAR	PERIHAL BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	31.01.2022 / PV22000182	Bayaran perkhidmatan pemotongan rumput bagi bulan Januari 2022 untuk Ibu Pejabat dan Pejabat Wilayah Kuching	6,594
2.	17.02.2022 / PV22000278	Bayaran perkhidmatan pemotongan rumput dan penyenggaraan saliran bagi bulan Januari 2022 untuk Samajaya Nature Reserves	3,022
3.	28.02.2022 / PV22000343	Bayaran perkhidmatan pemotongan rumput bagi bulan Februari 2022 untuk Ibu Pejabat, Pejabat Wilayah Kuching dan Samajaya Nature Reserves	9,616
4.	31.03.2022 / PV22000548	Bayaran perkhidmatan pemotongan rumput bagi bulan Mac 2022 untuk Ibu Pejabat, Pejabat Wilayah Kuching dan Samajaya Nature Reserve	9,616
5.	31.05.2022 / PV22000954	Bayaran perkhidmatan pemotongan rumput, kerja landskap bagi bulan April 2022 untuk Pejabat Wilayah Kuching dan Samajaya Nature Reserves Bayaran perkhidmatan pemotongan rumput, kerja landskap bagi bulan April dan Mei 2022 untuk Ibu Pejabat	14,196
6.	17.06.2022 / PV22001006	Bayaran perkhidmatan pemotongan rumput bagi bulan Mei 2022 untuk Pejabat Wilayah Kuching dan Samajaya Nature Reserves	5,037
7.	30.06.2022 / PV22001116	Bayaran perkhidmatan pemotongan rumput bagi bulan Jun 2022 untuk Ibu Pejabat	4,579
8.	17.07.2022 / PV22001248	Bayaran perkhidmatan pemotongan rumput bagi bulan Jun 2022 untuk Pejabat Wilayah Kuching dan Samajaya Nature Reserves Bayaran perkhidmatan pemotongan rumput bagi bulan Julai 2022 untuk Ibu Pejabat, Pejabat Wilayah Kuching dan Samajaya Nature Reserves	14,654
9.	17.09.2022 / PV22001681	Bayaran perkhidmatan pemotongan rumput bagi bulan Ogos 2022 untuk Ibu Pejabat, Pejabat Wilayah Kuching dan Samajaya Nature Reserves	9,616
10.	30.09.2022 / PV22001799	Bayaran perkhidmatan pemotongan rumput bagi bulan September 2022 untuk Ibu Pejabat	4,579
11.	17.10.2022 / PV22001893	Bayaran perkhidmatan pemotongan rumput dan penyenggaraan saliran bagi bulan Julai 2022 hingga September 2022 untuk Bako National Park Bayaran perkhidmatan pemotongan rumput bagi bulan September 2022 untuk Pejabat Wilayah Kuching dan Samajaya Nature Reserves	26,968
JUMLAH			**108,477**

Sumber: Baucar Pembayaran Tahun 2022, Perbadanan Perhutanan Sarawak

d. Perkara ini berlaku disebabkan SFC hanya menerima invois sahaja semasa tuntutan dibuat tanpa dokumen sokongan seperti Laporan Bulanan untuk mengesahkan kesempurnaan perkhidmatan yang telah diberikan oleh kontraktor. Impaknya, tuntutan dibayar tanpa pengesahan terhadap perkhidmatan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor.

Maklum Balas SFC pada 13 Januari dan 22 Februari 2023

SFC akan memastikan pembekal melampirkan Laporan Bulanan bersama invois. Selain itu invois perlu dicap 'Kebenaran Pembayaran' dan disahkan oleh pegawai

yang dipertanggungjawabkan dan disertakan bersama dokumen sokongan untuk disemak sebelum sebarang pembayaran dibuat.

Pernyataan Audit	**Pembayaran terhadap perkhidmatan pemotongan rumput dan perkhidmatan berkaitan tanpa pengesahan pegawai yang diberi kuasa merupakan pembayaran tidak teratur.**

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, wujud kelemahan dalam proses pembayaran bagi kerja penyenggaraan dan perkhidmatan berkala di SFC. Kelemahan semasa proses penyediaan dokumen kontrak dan pengurusan kontrak menyebabkan pembayaran tanpa pengesahan dan denda tidak dapat dikenakan kepada pihak kontraktor yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya.

6. SYOR AUDIT

Pihak SFC adalah bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan dan prosedur kewangan bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Oleh itu, pertimbangan sewajarnya hendaklah diambil oleh SFC terhadap syor berikut bagi menambahbaik pengurusan kewangan di SFC mengenai perkara berikut:

6.1. merujuk kepada pegawai undang-undang sebelum memuktamadkan dan menandatangani semua dokumen kontrak;

6.2. memastikan pengesahan pembayaran dan penyempurnaan perkhidmatan disemak dengan teliti sebelum bayaran dibuat bagi mengelakkan pembayaran tidak teratur; dan

6.3. memastikan dokumen sokongan bagi tujuan pembayaran hendaklah disertakan sebelum sebarang bayaran dibuat.

LEMBAGA AIR SIBU

- Pembayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan dan Penyenggaraan Bangunan Serta Kawasan

6 PEMBAYARAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DAN PENYENGGARAAN BANGUNAN SERTA KAWASAN

LEMBAGA AIR SIBU

PERKHIDMATAN

Kawalan keselamatan dan penyenggaraan bangunan serta kawasan termasuk kerja-kerja landskap, pemotongan rumput dan pembersihan.

KEWANGAN

PERUNTUKAN
RM2.00 juta

BELANJA 70.5%
RM1.41 juta

OBJEKTIF

Menentukan sama ada pembayaran dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

JUMLAH SEMAKAN
RM2.79 JUTA

PEMBAYARAN TIDAK TERATUR
RM290,580

KRITERIA AUDIT

Arahan Perbendaharaan 99(a)

Klausa 1, Klausa 13, Klausa 5(A), Klausa 5(A.6), Klausa 10, Klausa 18, Kontrak

RUMUSAN AUDIT

Wujud kelemahan dalam pembayaran. Pemantauan dan semakan yang kurang rapi menyebabkan dokumen tuntutan yang tidak lengkap dan teratur dikemukakan sebelum perakuan bayaran.

PENEMUAN AUDIT

Pembayaran Tanpa Dokumen Sokongan Yang Lengkap

RM266,500
Bayaran bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan

RM24,080
Bayaran bagi Kerja Landskap

SYOR AUDIT 1

LEMBAGA AIR SIBU

6. PEMBAYARAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DAN PENYENGGARAAN BANGUNAN SERTA KAWASAN

FAKTA UTAMA

RM2.00 juta	Jumlah peruntukan diluluskan pada tahun 2022
RM1.41 juta	Jumlah perbelanjaan pada tahun 2022

1. LATAR BELAKANG

1.1. Lembaga Air Sibu (SWB) diperbadankan di bawah Perintah Lembaga Air Sibu 1959 yang dibuat di bawah Seksyen 19 Ordinan Bekalan Air 1959 (Bab 141). SWB kemudian diperbadankan semula di bawah Perintah Lembaga Air Sibu 1995 yang dibuat di bawah Seksyen 19 Ordinan Air 1994 apabila Ordinan Bekalan Air 1959 dimansuhkan. Perlembagaan SWB seterusnya dipinda melalui Perintah Lembaga Air Sibu 2002 dan Perintah Lembaga Air Sibu 2005. Fungsi umum SWB sebagai pihak penguat kuasa bekalan air adalah seperti berikut:

a. mempunyai hak dalam penjagaan, pengurusan dan pentadbiran kerja-kerja berkaitan air dan pengurusan bekalan serta pengagihan bekalan air tersebut di kawasan bekalan yang tertakluk dalam pengawasan Pihak Berkuasa Air Negeri; dan

b. menyalurkan bekalan air kepada pengguna dalam had kawasan bekalan selaras dengan peruntukan Ordinan Air 1994 dan mana-mana perundangan yang dibuat di bawahnya.

1.2. Pada tahun 2022, SWB telah memperuntukkan sejumlah RM2 juta bagi perkhidmatan kawalan keselamatan dan penyenggaraan bangunan serta kawasan di bawah pengawasan SWB termasuk kerja-kerja landskap, pemotongan rumput dan pembersihan. Sejumlah RM1.41 juta atau 70.5% telah dibelanjakan pada tahun 2022.

1.3. Lokasi utama yang terlibat dengan perkhidmatan kawalan keselamatan dan penyenggaraan bangunan serta kawasan seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
LOKASI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DAN PENYENGGARAAN BANGUNAN SERTA KAWASAN

BIL.	PERIHAL KONTRAK	LOKASI UTAMA
1.	Kerja Landskap dan Pemotongan Rumput di Kawasan Lembaga Air Sibu bagi tempoh dua tahun **(Kontraktor: Syarikat DRO/HC2016/58)**	i. Pejabat SWB ii. Loji Rawatan dan Pengambilan Air Mentah iii. Pam Penggalak, Tangki Aras Tinggi dan Takungan iv. Berek, Kuarters dan Stor
2.	Kerja Pembersihan di Premis Lembaga Air Sibu bagi tempoh dua tahun **(Kontraktor: Syarikat 213/85)**	
3.	Kontrak Bermasa untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Lembaga Air Sibu bagi tempoh dua tahun **(Kontraktor: Syarikat 756183-P)**	i. Pejabat SWB ii. Loji Rawatan dan Pengambilan Air Mentah iii. Pam Penggalak dan Tangki Aras Tinggi iv. Stor v. Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perkhidmatan Tunai dalam Perjalanan sahaja
4.	Kontrak Bermasa untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Operasi Bekalan Air Tanjung Manis Fasa 1 bagi tempoh satu tahun **(Kontraktor: Syarikat 730/82)**	i. Pakej 1: Stesen Pam Pengambilan Air Mentah di Sungai Maaw ii. Pakej 4: Stesen Pam Penggalak di Sungai Maaw iii. Pakej 6: Loji Rawatan Air Tanjung Manis iv. Pakej 7: Takungan Air Mentah di Tanjung Manis Sungai Sebakong v. Pengambilan Air Mentah 20 juta liter sehari (MLD) di Sungai Maaw
5.	Kontrak Bermasa untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Operasi Bekalan Air Tanjung Manis Fasa 1 bagi tempoh satu tahun **(Kontraktor: Syarikat 298999-M)**	
6.	Kontrak Bermasa untuk Perkhidmatan Pembersihan, Kerja-kerja Landskap dan Pemotongan Rumput di Premis Bekalan Air Tanjung Manis Fasa 1 Pakej 1, 4, 6 dan 7 bagi Tahun 2022 **(Kontraktor: Syarikat 562/02)**	

Sumber: Dokumen Kontrak, Lembaga Air Sibu

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menentukan sama ada pembayaran terhadap perkhidmatan kawalan keselamatan dan penyenggaraan bangunan serta kawasan di bawah pengawasan Lembaga Air Sibu (SWB) dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi undang-undang serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dilaksanakan terhadap pembayaran bagi perkhidmatan kawalan keselamatan dan penyenggaraan bangunan serta kawasan di bawah pengawasan SWB di Bahagian Kewangan, Lembaga Air Sibu.

3.2. Pemeriksaan rekod dan dokumen kewangan serta temu bual dengan pegawai yang terlibat dibuat bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh untuk memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit. Sebanyak lima tender dan satu sebut harga berjumlah RM2.79 juta seperti dalam **Jadual 2** telah diperiksa.

JADUAL 2
PEROLEHAN SECARA TENDER DAN SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DAN PENYENGGARAAN BANGUNAN SERTA KAWASAN

BIL.	PERIHAL KONTRAK	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM JUTA)
PEROLEHAN SECARA TENDER			
1.	Kerja Landskap dan Pemotongan Rumput di Kawasan Lembaga Air Sibu bagi tempoh dua tahun **(Kontraktor: Syarikat DRO/HC2016/58)**	01.09.2020 hingga 31.08.2022 (EOT: 30.11.2022)	0.22
2.	Kontrak Bermasa untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Operasi Bekalan Air Tanjung Manis Fasa 1 bagi tempoh satu tahun **(Kontraktor: Syarikat 298999-M)**	09.03.2022 hingga 08.03.2023	0.25
3.	Kerja Pembersihan di Premis Lembaga Air Sibu bagi tempoh dua tahun **(Kontraktor: Syarikat 213/85)**	01.06.2021 hingga 31.05.2023	0.28
4.	Kontrak Bermasa untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Operasi Bekalan Air Tanjung Manis Fasa 1 bagi tempoh satu tahun **(Kontraktor: Syarikat 730/82)**	09.03.2021 hingga 08.03.2022	0.42
5.	Kontrak Bermasa untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Lembaga Air Sibu bagi bagi tempoh dua tahun **(Kontraktor: Syarikat 756183-P)**	15.12.2021 hingga 14.12.2023	1.54
PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA			
6.	Kontrak Bermasa untuk Perkhidmatan Pembersihan, Kerja-kerja Landskap dan Pemotongan Rumput di Premis Bekalan Air Tanjung Manis Fasa 1 Pakej 1, 4, 6 dan 7 bagi Tahun 2022 **(Kontraktor: Syarikat 562/02)**	20.01.2022 hingga 31.12.2022	0.08
JUMLAH			**2.79**

Sumber: Senarai Daftar Kontrak dan Dokumen Kontrak, Lembaga Air Sibu

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada 7 hingga 14 Oktober 2022 di Lembaga Air Sibu (SWB) manakala lawatan tapak telah diadakan pada 18 dan 19 Oktober 2022. Maklum balas daripada SWB telah diterima pada 10 Januari dan 20 Februari 2023. Mesyuarat Penutup bagi membincangkan penemuan Audit telah diadakan pada 13 Februari 2023. Penemuan Audit seperti dalam perenggan berikut:

4.1. Pembayaran Tanpa Dokumen Sokongan yang Lengkap

Arahan Perbendaharaan 99(a) menetapkan semua baucar atau baucar elektronik hendaklah disokong dengan dokumen yang lengkap mengenai tiap-tiap satu perkhidmatan, bekalan atau kerja seperti tarikh, nombor, kuantiti, kiraan jauhnya dan kadar untuk membolehkan ia disemak tanpa merujuk kepada apa-apa dokumen selain daripada yang dikembarkan padanya.

4.1.1. Bayaran Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan - RM266,500

a. Klausa 1 mengenai Skop Kontrak dalam Spesifikasi Khas bagi Kontrak Bermasa untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Lembaga Air Sibu bagi tempoh dua tahun menetapkan kontraktor hendaklah membekalkan pengawal keselamatan di lokasi yang telah ditetapkan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
SPESIFIKASI KHAS UNTUK KONTRAK BERMASA
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN LEMBAGA AIR SIBU

BIL.	SKOP PERKHIDMATAN		
	BILANGAN PENGAWAL KESELAMATAN	LOKASI	TEMPOH BERTUGAS
1.	Seorang Pengawal Keselamatan tanpa senjata api	Pengambilan Air Mentah Salim Lama di Jalan Kong Yit Khim	24 jam
		Depoh Lanang di Jalan Lanang	
		Stesen Penggalak No. 1 Sibu Jaya	
		Stesen Penggalak No. 2 Sibu Jaya	
		Pengambilan Air Mentah Salim Baharu di Jalan Kong Yit Khim	
		Stesen Penggalak Teku	
		Stesen Penggalak Stabau	
		Tangki Aras Tinggi Durin	
		Stesen Penggalak Pasai Siong	
		Stor Salim di Jalan Salim	
2.	Seorang Pengawal Keselamatan tanpa senjata api	Loji Rawatan Bukit Lima di Jalan Lanang	6 petang – 6 pagi (Syif malam)
		Stesen Penggalak Batu 19 di Jalan Oya	
		Stesen Penggalak Deshon	
		Stesen Penggalak Sibu Barat	
3.	Dua orang Pengawal Keselamatan tanpa senjata api	Stor Bukit Lima di Jalan Lanang	24 jam
		Depoh Salim	

Sumber: Fail Kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Pembekal, Lembaga Air Sibu

b. Klausa 13 mengenai Potongan bagi Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan dalam Spesifikasi Khas bagi kontrak yang sama menetapkan jika kontraktor gagal menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan sepenuh masa (24 jam), kontraktor hendaklah membayar atau membenarkan sejumlah wang pada kadar RM10 sejam bagi setiap pengawal atau sebahagian daripadanya sebagai Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan untuk tempoh di mana perkhidmatan itu kekal atau tidak lengkap SWB boleh memotong ganti rugi tersebut daripada sebarang jumlah yang mungkin perlu dibayar atau perlu dibayar kepada kontraktor di bawah kontrak ini.

c. Semakan Audit terhadap tiga baucar bayaran berjumlah RM266,500 bagi tuntutan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan mendapati **tuntutan tersebut telah dibayar tanpa dokumen lengkap yang boleh menyokong Perkhidmatan Kawalan Keselamatan tersebut telah disempurnakan. Pegawai bertanggungjawab hanya mengesahkan tuntutan berdasarkan invois dan Sijil Bayaran sahaja tanpa mengesahkan bilangan pengawal keselamatan yang bekerja mengikut spesifikasi kontrak**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
BAYARAN INTERIM UNTUK PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN LEMBAGA AIR SIBU

BIL.	NOMBOR/ TARIKH BAUCAR BAYARAN	PERIHAL BAYARAN	NOMBOR/ TARIKH INVOIS	AMAUN (RM)
1.	0676/2022/ 29.03.2022	Bayaran Interim Pertama Bagi Kontrak Bermasa untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Lembaga Air Sibu bagi tempoh dua tahun	NAF22/3306/ 14.01.2022 NAF22/3386/ 14.02.2022	64,138 64,138
2.	0946/2022/ 22.04.2022	Bayaran Interim Kedua Bagi Kontrak Bermasa untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Lembaga Air Sibu bagi tempoh dua tahun	NAF22/3466/ 14.03.2022 NAF22/3484/ 14.03.2022	64,138 1,170
3.	1152/2022/ 23.05.2022	Bayaran Interim Ketiga Bagi Kontrak Bermasa untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Lembaga Air Sibu bagi tempoh dua tahun	NAF22/3547/ 15.04.2022 NAF22/3627/ 15.04.2022 NAF22/3548/ 15.04.2022	64,138 4,389 4,389
JUMLAH				**266,500**

Sumber: Baucar Bayaran Tahun 2022, Lembaga Air Sibu

Maklum Balas SWB pada 10 Januari dan 20 Februari 2023

Pihak SWB akan membuat semakan semula dan mengambil tindakan pemotongan sewajarnya. Kadar pemotongan yang akan dikenakan adalah sejumlah RM10 sejam bagi ketidakhadiran pengawal keselamatan bertugas berdasarkan klausa Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan.

Pemotongan tuntutan ini akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian bagi mendapatkan kelulusan dan pemotongan akan dibuat terhadap tuntutan pembayaran interim yang akan datang.

Pihak SWB telah menambah baik prosedur sedia ada dengan menjalankan Pemeriksaan Mengejut dan menyediakan Borang Rekod Kehadiran Pengawal Keselamatan.

Pernyataan Audit

Pembayaran yang dibuat tanpa dokumen sokongan yang lengkap merupakan pembayaran yang tidak teratur.

4.1.2. Bayaran Bagi Kerja Landskap - RM24,080

a. Klausa 5(A) dalam Skop Kerja Landskap dalam syarat kontrak mengenai Kerja Landskap dan Pemotongan Rumput di Kawasan Lembaga Air Sibu Bagi Tempoh Dua Tahun menetapkan kontraktor hendaklah melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja mengikut bulanan, kerja-kerja tersebut meliputi operasi berikut kepada semua loji sedia ada di dalam dan sekitar premis iaitu menyiram, membaja, merumput dan memotong serta memangkas.

b. Klausa 5(A.6) dalam syarat kontrak mengenai Skop Pekerja, Pengangkutan dan Peralatan Kerja Landskap menetapkan kontrak ini memerlukan sekurang-kurangnya tujuh pekerja.

c. Klausa 10 mengenai Pembayaran dalam syarat kontrak menetapkan kontraktor boleh menuntut kerja-kerja yang telah disiapkan yang diperakui oleh Pegawai Penguasa. Tuntutan hendaklah dikemukakan bersama-sama gambar yang diambil (sebelum dan selepas) oleh Kontraktor dan senarai semak dengan perakuan kerja yang dilakukan oleh Pegawai Lembaga Air Sibu yang bertanggungjawab.

d. Klausa 18 mengenai Gambar Kerja dalam syarat kontrak menetapkan kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk mengambil gambar kerja. Gambar mesti diambil dalam format "sebelum bekerja dan selepas bekerja" dengan tarikh yang jelas ditulis pada papan tanda bagi setiap kawasan mengikut senarai semak.

e. Semakan Audit terhadap tujuh baucar bayaran interim berjumlah RM24,080 bagi kerja landskap dari bulan November 2021 hingga Mei 2022 mendapati **kerja landskap di semua kawasan terlibat tidak dapat disahkan. Ini kerana pihak kontraktor tidak dapat mengemukakan dokumen sokongan bagi tujuan pembayaran iaitu gambar kerja sebelum**

dan selepas serta senarai semak yang diperakukan oleh pegawai Lembaga Air Sibu.

f. Semakan Audit selanjutnya mendapati **bilangan pekerja juga tidak dapat disahkan kerana Daftar atau Rekod Kehadiran Pekerja tidak disediakan dan disahkan oleh kontraktor bagi tujuan perakuan oleh Pegawai Penyelia.** Bagaimanapun, **tuntutan berjumlah RM24,080 telah dibayar walaupun kontraktor gagal mematuhi syarat kontrak mengenai pembayaran dan tanpa dokumen sokongan yang lengkap bagi memperakukan kerja landskap telah disempurnakan.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
TUNTUTAN BAGI KERJA LANDSKAP TANPA DOKUMEN SOKONGAN YANG LENGKAP

BIL.	NOMBOR/ TARIKH BAUCAR BAYARAN	PERIHAL BAYARAN	BULAN	AMAUN (RM)
1.	0073/2022 13.01.2022	Bayaran Interim Kesebelas Bagi Kerja Landskap di Kawasan Lembaga Air Sibu bagi tempoh dua tahun	November 2021	3,440
2.	0209/2022 24.01.2022	Bayaran Interim Kedua Belas Bagi Kerja Landskap di Kawasan Lembaga Air Sibu bagi tempoh dua tahun	Disember 2021	3,440
3.	0674/2022 29.03.2022	Bayaran Interim Ketiga Belas Bagi Kerja Landskap di Kawasan Lembaga Air Sibu bagi tempoh dua tahun	Januari 2022	3,440
4.	0690/2022 01.04.2022	Bayaran Interim Keempat Belas Bagi Kerja Landskap di Kawasan Lembaga Air Sibu bagi tempoh dua tahun	Februari 2022	3,440
5.	1024/2022 05.05.2022	Bayaran Interim Kelima Belas Bagi Kerja Landskap di Kawasan Lembaga Air Sibu bagi tempoh dua tahun	Mac 2022	3,440
6.	1250/2022 07.06.2022	Bayaran Interim Keenam Belas Bagi Kerja Landskap di Kawasan Lembaga Air Sibu bagi tempoh dua tahun	April 2022	3,440
7.	1497/2022 28.06.2022	Bayaran Interim Ketujuh Belas Bagi Kerja Landskap di Kawasan Lembaga Air Sibu bagi tempoh dua tahun	Mei 2022	3,440
JUMLAH				**24,080**

Sumber: Baucar Bayaran, Lembaga Air Sibu

4.1.3. Perkara ini berlaku disebabkan pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak syarat kontrak dan dokumen tuntutan yang lengkap daripada pihak kontraktor sebelum memperaku kerja dan membuat bayaran. Ini boleh menyebabkan kerugian kepada Kerajaan kerana membayar perbelanjaan yang tidak sepatutnya sekiranya perkhidmatan tidak dilaksanakan dengan sempurna.

Maklum Balas SWB pada 10 Januari dan 20 Februari 2023

Pihak SWB telah menyediakan senarai semak yang telah digunakan bagi tuntutan kerja bermula bulan Disember 2022 di mana kontraktor telah dimaklumkan untuk

mengambil gambar dengan sempurna. Pembayaran hanya akan dibuat setelah dokumen yang lengkap mengikut syarat kontrak telah diterima. Pemeriksaan tapak turut dilaksanakan bagi memastikan kerja yang dibuat adalah sempurna. Laporan yang disediakan oleh pihak kontraktor juga akan disemak dengan teliti pada masa akan datang.

Pernyataan Audit

Pembayaran yang dibuat tanpa dokumen sokongan yang lengkap selaras dengan syarat kontrak merupakan pembayaran yang tidak teratur.

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, wujud kelemahan dalam pembayaran bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan dan Kerja Penyenggaraan Bangunan serta Kawasan. Pemantauan dan semakan yang kurang rapi menyebabkan dokumen tuntutan yang tidak lengkap dan teratur dikemukakan sebelum membuat perakuan bayaran.

6. SYOR AUDIT

Pihak SWB adalah bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan dan prosedur kewangan bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Oleh itu, pihak SWB hendaklah sentiasa memastikan pengesahan kerja dan tuntutan dibuat dengan meneliti dan memastikan semua dokumen sokongan yang perlu dikemukakan oleh kontraktor selaras dengan syarat kontrak sebelum memperakukan pembayaran.

LEMBAGA AIR SIBU

- Pembayaran Program Mengurangkan Kadar Air Tidak Berhasil

7 PEMBAYARAN PROGRAM MENGURANGKAN KADAR AIR TIDAK BERHASIL (NRW)

LEMBAGA AIR SIBU

PERKHIDMATAN

Program untuk mengurangkan kerugian dari segi fizikal dan komersial.

KEWANGAN

PERUNTUKAN RM3 juta

BELANJA 59% RM1.77 juta

OBJEKTIF

Menentukan sama ada pembayaran Program Mengurangkan Kadar NRW dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

JUMLAH SEMAKAN **RM8.99 JUTA**

RM22,000 KERUGIAN

KRITERIA AUDIT

Jadual Harga, Perjanjian

PENEMUAN AUDIT

RM22,000 Pembayaran bagi Kerja yang Belum Disempurnakan

RUMUSAN AUDIT

Wujud kelemahan dalam pembayaran bagi Program ini dan pegawai bertanggungjawab kurang peka terhadap klausa kontrak dan pelaksanaan projek yang berkuat kuasa.

SYOR AUDIT 1

LEMBAGA AIR SIBU

7. PEMBAYARAN PROGRAM MENGURANGKAN KADAR AIR TIDAK BERHASIL

FAKTA UTAMA

RM3 juta	Jumlah peruntukan diluluskan pada tahun 2022
RM1.77 juta	Jumlah perbelanjaan bagi Program Mengurangkan Kadar Air Tidak Berhasil pada tahun 2022
43.4%	Kadar Air Tidak Berhasil pada tahun 2022

1. LATAR BELAKANG

1.1. Lembaga Air Sibu (SWB) diperbadankan di bawah Perintah Lembaga Air Sibu 1959 yang dibuat di bawah Seksyen 19, Ordinan Bekalan Air 1959 (Bab 141). SWB kemudian diperbadankan semula di bawah Perintah Lembaga Air Sibu 1995 yang dibuat di bawah Seksyen 19, Ordinan Air 1994 apabila Ordinan Bekalan Air 1959 dimansuhkan. Perlembagaan SWB seterusnya dipinda melalui Perintah Lembaga Air Sibu 2002 dan Perintah Lembaga Air Sibu 2005. Fungsi umum SWB sebagai pihak penguat kuasa bekalan air adalah seperti berikut:

a. mempunyai hak dalam penjagaan, pengurusan dan pentadbiran kerja-kerja berkaitan air dan pengurusan bekalan serta pengagihan bekalan air tersebut di kawasan bekalan yang tertakluk dalam pengawasan Pihak Berkuasa Air Negeri; dan

b. menyalurkan bekalan air kepada pengguna dalam had kawasan bekalan selaras dengan peruntukan Ordinan Air 1994 dan mana-mana perundangan yang dibuat di bawahnya.

1.2. Program Pengurusan Mengurangkan Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) secara holistik telah dilaksanakan sejak tahun 2007. Pelbagai Program NRW telah dilaksana untuk mengurangkan kerugian dari segi fizikal dan komersial antaranya pengurusan tekanan air, kawalan kebocoran dan penukaran meter. Sasaran SWB adalah untuk menurunkan kadar NRW kepada 25% pada tahun 2030. Mengikut Laporan Bulanan

Perbandingan NRW, kadar NRW pada tahun 2022 meningkat sebanyak 1.7% kepada 43.4% berbanding 41.7% pada tahun 2021.

1.3. Melalui Rancangan Malaysia Ke-11, nilai skim yang diluluskan bagi Program ini berjumlah RM30 juta dan nilai siling peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM19.15 juta. Program ini juga dianggap sebagai program sambungan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Jumlah sebenar peruntukan dan perbelanjaan bagi tahun 2022 seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2022

PERIHAL PROGRAM	PERUNTUKAN (RM JUTA)	PERBELANJAAN (RM JUTA)	BAKI (RM JUTA)
Program Mengurangkan Kadar Air Tidak Berhasil (NRW)	3.00	1.77	1.23
PERATUSAN PERBELANJAAN	**59.0%**		

Sumber: Anggaran Hasil dan Perbelanjaan dan Lejar Am Tahun 2022, Lembaga Air Sibu

1.4. Antara komponen kerja di bawah Program ini adalah seperti berikut:

a. Penggantian Meter Lama;
b. Program Kawalan Kebocoran Sistem Bekalan Air;
c. Pemantauan Sistem Bekalan Air;
d. Perkakasan dan Perisian untuk Sistem Informasi Bergeografi (GIS);
e. Pelaksanaan dan Pemantauan Kawasan Pemeteran Daerah (DMA)/sub-DMA; dan
f. Pengurusan Tekanan Air.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menentukan sama ada pembayaran Program Mengurangkan Kadar NRW dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dilaksanakan terhadap pembayaran yang dibuat bagi Program Mengurangkan Kadar NRW pada tahun 2022 di Bahagian Kewangan, Lembaga Air Sibu.
3.2. Selain itu, pihak Audit juga melaksanakan pemeriksaan rekod dan dokumen kewangan bagi tempoh RMK-12, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai

yang terlibat bagi mengesahkan maklumat diperoleh untuk memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit. Sejumlah RM8.99 juta sampel melibatkan lima tender berjumlah RM8.05 juta, dua sebut harga berjumlah RM0.16 juta dan satu pembelian terus berjumlah RM0.78 juta telah diperiksa seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEROLEHAN SECARA TENDER, SEBUT HARGA DAN PEMBELIAN TERUS BAGI PROGRAM MENGURANGKAN KADAR AIR TIDAK BERHASIL

BIL.	PERIHAL	NOMBOR/ TARIKH BAUCAR BAYARAN	TEMPOH KONTRAK	AMAUN (RM JUTA)
1. PEROLEHAN SECARA TENDER				
1.	Pembekalan Tenaga Pakar, Tenaga Buruh, Alat dan Peralatan untuk Pemulihan Instrumen NRW dalam Kawasan Bekalan Lembaga Air Sibu (NRW) **(Kontraktor: Syarikat SA2014312)**	-	26.08.2020 hingga 25.08.2021	0.55
2.	Pembekalan, Penghantaran, Pemasangan dan Pentauliahan Perakam Data untuk Kawasan Bekalan Lembaga Air Sibu (NRW) **(Kontraktor: Syarikat GA2012018)**	-	13.12.2021 hingga 12.12.2022	0.94
3.	Pembekalan, Penghantaran, Pemasangan, Konfigurasi dan Pentauliahan Sistem Informasi Bergeografi (GIS) **(Kontraktor: Syarikat 615928-W)**	-	03.08.2021 hingga 02.08.2022 (EOT: 02.12.2022)	0.99
4.	Pembekalan dan Penghantaran Meter Air Mekanikal R800 dan Pembekalan Tenaga Buruh, Pengangkutan, Sesalur dan lain-lain untuk Penggantian Meter Air dalam Kawasan Bekalan Lembaga Air Sibu (NRW) **(Kontraktor: Syarikat 123/89)**	-	01.08.2022 hingga 31.07.2023	1.07
5.	Pembekalan Tenaga Pakar, Pengangkutan, Alat, Peralatan dan lain-lain untuk Melaksanakan Pembaharuan 47 DMA dalam Kawasan Bekalan Lembaga Air Sibu (NRW) Merangkap Kerja-kerja Sampingan untuk Pemantauan DMA **(Kontraktor: Syarikat 275/79)**	-	10.06.2019 hingga 09.06.2021 (EOT: 07.10.2021)	4.50
2. PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA				
6.	Pembekalan dan Penghantaran Alat Pengukur Aliran Cecair Ultrasonik Mudah Alih PT900 Jenama BH Panamertic ke Lembaga Air Sibu (NRW) **(Kontraktor: Syarikat 189216-M)**	-	11.05.2022 hingga 10.11.2022	0.06
7.	Pembekalan Tenaga Buruh, Pengangkutan, Alat dan Lain-lain untuk Penggantian Meter Air dalam Kawasan Bekalan Lembaga Air Sibu (NRW) **(Kontraktor: Syarikat 467/99)**	-	12.07.2021 hingga 11.07.2022	0.10
3. PEMBELIAN TERUS				
8.	Pembayaran bagi Pembekalan Stor Untuk Bulan Mac 2022 – Pembaharuan meter air (NRW)	1033/2022 06.05.2022	-	0.78
JUMLAH				**8.99**

Sumber: Senarai Daftar Kontrak, Lejar Am dan Baucar Bayaran Tahun 2022, Lembaga Air Sibu

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada 7 hingga 14 Oktober 2022 di Lembaga Air Sibu (SWB) manakala lawatan tapak telah diadakan pada 18 dan 19 Oktober 2022. Maklum balas daripada SWB telah diterima pada 10 Januari dan 20 Februari 2023. Mesyuarat Penutup bagi membincangkan penemuan Audit telah diadakan pada 13 Februari 2023. Penemuan Audit seperti dalam perenggan berikut:

4.1. Pembayaran Bagi Meter Aliran Elektromagnetik 300 mm dan Kotak Panel yang Tidak Dipasang - RM22,000

4.1.1. Berdasarkan Item 1 dalam Jadual Harga Bilangan 3 bagi Jumlah Sementara dalam syarat kontrak Pembekalan Tenaga Pakar, Pengangkutan, Alat, Peralatan dan Lain-lain untuk Melaksanakan Pembaharuan 47 DMA dalam Kawasan Bekalan Lembaga Air Sibu (NRW) Merangkap Kerja-kerja Sampingan untuk Pemantauan DMA menyatakan berkenaan pembekalan, penghantaran dan pemasangan meter aliran elektromagnetik termasuk kotak panel untuk pemantauan DMA seperti saiz berikut: 150 mm, 250 mm, 300 mm dan 450 mm, yang perlu disiapkan dalam tempoh 24 bulan.

4.1.2. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Kemajuan Projek No. 2/2021 pada 11 Jun 2021 mendapati **ujian Tekanan Sifar yang dibuat selepas pemasangan meter aliran elektromagnetik 300 mm di DMA Tiong Hua adalah gagal kerana injap sluis tidak dapat berfungsi dengan baik. Dalam mesyuarat yang sama, Pegawai Penguasa mengarahkan kontraktor supaya kebuk meter tetap dibina bagi tujuan penyambungan meter sementara.** Pihak Audit mendapati meter dan kotak panel tersebut didapati masih disimpan dalam stor, belum dipasang dan tempoh tanggungan kecacatan telah tamat pada 6 Oktober 2022. Butiran lanjut seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 3**.

GAMBAR 1

DMA Tiong Hua
- Pembinaan Kebuk Meter Tanpa Pemasangan Meter Aliran Elektromagnetik 300 mm dan Kotak Panel
(11.11.2022)
(Sumber: Lembaga Air Sibu)

GAMBAR 2

DMA Tiong Hua
- Pembinaan Kebuk Meter Tanpa Pemasangan Meter Aliran Elektromagnetik 300 mm dan Kotak Panel
(11.11.2022)
(Sumber: Lembaga Air Sibu)

GAMBAR 3

Stor NRW
- Meter Aliran Elektromagnetik 300 mm dan Kotak Panel yang Tidak Dipasang
(25.02.2023)
(Sumber: Lembaga Air Sibu)

4.1.3. Semakan Audit selanjutnya terhadap baucar bayaran bertarikh 7 Mac 2022 bagi Bayaran Interim Ke-6 mendapati **pembayaran telah dibuat sepenuhnya bagi kerja pemasangan meter aliran elektromagnetik 300 mm termasuk kotak panel berjumlah RM22,000 yang tidak dipasang di DMA Tiong Hua.**

4.1.4. Perkara ini berlaku disebabkan pegawai telah memperakukan kerja yang tidak dilaksanakan dengan sempurna dan membenarkan bayaran dibuat. Pemasangan meter tersebut pada masa hadapan akan melibatkan kos berulang bagi kerja pemasangan dan pengujian.

Maklum Balas SWB pada 10 Januari dan 20 Februari 2023

Meter aliran elektromagnetik 300 mm dan kotak panel yang sepatutnya dipasang di DMA Tiong Hua berada dalam keadaan baik di Stor NRW. Pihak SWB telah memeriksa meter aliran elektromagnetik 300 mm tersebut dan masih berfungsi dengan baik selepas tempoh jaminan dan kos pemasangan bagi meter tersebut di kawasan yang dirancang akan ditanggung oleh SWB dan tiada kos pengujian semula diperlukan.

Untuk memastikan perkara di atas tidak lagi berulang pada masa akan datang, pihak SWB akan memastikan pembayaran dibuat mengikut bekalan atau kerja sebenar yang dilaksanakan oleh kontraktor dan sebarang perbezaan akan diperbetulkan sewajarnya sebelum akaun kontrak tersebut tamat.

Pernyataan Audit	**Pembayaran bagi kerja yang belum disempurnakan merupakan kerugian kepada Kerajaan.**

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, wujud kelemahan dalam pembayaran bagi Program Mengurangkan Kadar Air Tidak Berhasil (NRW). Pegawai bertanggungjawab kurang peka terhadap klausa kontrak dan pelaksanaan projek yang berkuat kuasa. Selain itu, pemantauan yang kurang rapi menyebabkan pembayaran dibuat bagi kerja yang belum disempurnakan.

6. SYOR AUDIT

Pihak SWB adalah bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan dan prosedur kewangan bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Oleh itu, pertimbangan sewajarnya hendaklah diambil oleh SWB bagi memastikan kerja dilaksanakan dengan sempurna selaras dengan klausa kontrak dan setiap perolehan hendaklah dipastikan boleh dimanfaatkan sepenuhnya sebelum sebarang pembayaran dibuat.